

BAB KEDUA

BAB KEDUA

KONSEP *IHYA'* RAMADAN DAN SOLAT TARAWIH

2.1 Pendahuluan

Suatu realiti yang sentiasa berlaku di kalangan umat Islam setiap kali menjelangnya bulan Ramadan ialah mereka lebih cenderung kepada amalan kebaikan seperti ibadat dan ketaatan kepada Allah S.W.T serta meninggalkan amalan kemungkaran. Ini adalah kerana mereka sedar bahawa Ramadan adalah bulan yang penuh berkat serta sayugianya diisi dengan sesuatu yang menguntungkan dan berfaedah untuk mencapai kebahagiaan dunia dan akhirat.

Ramadan adalah bulan yang mulia, dimana banyak keistimewaan wujud yang padanya selain daripada ibadat puasa. Banyak lagi ibadat lain yang digalakkan untuk dilaksanakan dengan khusyuk dan penuh minat dan keinsafan seperti tilawah al-Quran, membuat kajian ilmiah, bersedekah, sembahyang tarawih dan lain-lain.

Bacaan ayat suci al-Quran lazimnya mendapat tempat yang utama di dalam amalan ketaatan seperti zikir dan ibadat lainnya, sehingga ramai di kalangan orang awam menamatkannya beberapa kali sepanjang Ramadan. Kuliah agama diadakan di merata tempat, masjid-masjid sentiasa dikunjungi oleh umat Islam tanpa mengira tua atau muda kecil atau besar, malahan

melebihi daripada bulan-bulan lain pada kebiasaannya, sajian makanan dan minuman untuk berbuka dan semua aktiviti kebajikan mendapat sambutan yang menggalakkan.

Di samping itu agensi-agensi kerajaan dan pihak-pihak swasta tidak ketinggalan malah turut sama berlumba-lumba mengejar kebajikan pada bulan yang mulia ini, kempen-kempen penghayatan Ramadan dipertingkatkan, program-program keagamaan dan kemasyarakatan dikeudarakan melalui corong radio dan televisyen banyak dimuatkan sepanjang bulan ini.

Demikian sepintas lalu tentang pengisian-pengisian yang sentiasa diamalkan oleh umat Islam di Kelantan khususnya pada bulan Ramadan.

2.2 Takrif *Ihya'* Ramadan

Dalam perspektif bahasa, perkataan *ihya'* adalah berasal dari kalimah Arab yang dipetik dari kata terbitan *ahyā*. Sebagai contoh “*Ahyā al-lail wa qāma fihi wasaharahu*” bermaksud “menghidupkan waktu malam iaitu bangun dari tidur serta berjaga malam (beribadat)”¹.

Contoh di atas dikuatkan dengan sabda Rasulullah S.A.W yang berbunyi:

"من قام ليلة القدر ايمانا واحتسابا غفر له ما تقدم من ذنبه"

Maksudnya:

"Sesiapa yang bangun pada malam Lailatulqadar dalam keadaan beriman dan mengharapkan pahala, nescaya akan diampunkan dosanya yang terdahulu"².

Sungguhpun makna *Qāma* iaitu bangun, tapi Imam Nawawi menghuraikan makna *Man Qāma* iaitu *Ahyāha bil ibādah* bermaksud menghidupkan malam-malamnya dengan beribadat kepada Allah S.W.T.³

Perkataan *iḥyā'* juga boleh diterjemahkan sebagai "memakmurkan"⁴. Walau bagaimanapun Dr. Wahbah Zuhaili mengertikan *iḥyā'* Ramadan dari segi bahasa iaitu "menjadikan sesuatu itu hidup"⁵. Sebagaimana hadis Rasulullah S.A.W berbunyi:

"من أحبأ أرضا ميّة ففيه له"

Maksudnya:

"Barang siapa yang menghidupkan tanah yang terbiar, maka itulah miliknya".⁶

Begini juga dalam hadis yang lain, Rasulullah S.A.W bersabda:

"من عمر أرضا ليس لأحد فهو أحق بها"

Maksudnya:

“Barang siapa yang memakmurkan tanah yang bukan milik seseorang maka dia berhak ke atasnya (tanah tersebut) ”.

Ada juga yang mengertikan *ihya'* itu sebagai sambutan atau merayakan sesuatu perkerjaan. Contohnya *ahyā' zikrahū* iaitu *ihtafala bihā* yang bermaksud “menyambut hari bersejarahnya”⁸. Selain dari itu, *ihya'* Ramadan juga diertikan sebagai aktiviti atau kegiatan yang dilakukan didalam sesuatu perkara. Contohnya *ahyā' al-lail* iaitu *taraka an-naum fihi wa sarrafahu fil ibadah* yang bermaksud “meninggalkan (bangun) dari tidur dan terus mengerjakan ibadat”⁹.

Syeikh Abu Syuja' mentakrifkan *ihya'* sebagai “menghidupkan sesuatu mengikut apa yang dikehendaki oleh *muhyī*”. Jelas di sini beliau mentakrif sifat *ihya'* (sifat *ihya'* *al-mawāt*) iaitu صفة الاحياء ما كان في العادة عماره (المحى).

Manakala *lilmuhibbi* bermaksud sifat *ihya'* iaitu mengikut kebiasaan apa sahaja yang dimakmurkan oleh *muhyī* (pemakmur).¹⁰

Manakala Ramadan pula bermaksud bulan yang kesembilan dalam bulan-bulan Islam iaitu “bulan puasa”.¹¹ Jadi perkataan *ihya'* Ramadan boleh diterjemahkan sebagai menghidupkan atau memakmurkan bulan puasa sama

ada waktu siang ataupun malam dengan pelbagai aktiviti, baik keagamaan ataupun kemasyarakatan yang tidak bercanggah dengan syarak.

Jelaslah di sini bahawa *ihya'* Ramadan berhubung-kait dengan pengisian segala program dan aktiviti yang dilakukan dalam bulan ini termasuklah solat tarawih, tadarus al-Quran, qiamullail, ceramah agama, majlis berbuka puasa, majlis bersahur, iktikaf dan lain-lain. Jadi, perkataan *ihya'* Ramadan boleh diguna-pakai sama ada sebelum masuk bulan Ramadan, semasa bulan Ramadan atau pun selepasnya. Namun apabila disebut *ihya'* Ramadan maka terdapat aktiviti yang tidak ada dalam bulan-bulan yang lain seperti solat tarawih berjemaah, majlis berbuka puasa dan bersahur. Akan tetapi penggunaan perkataan *ihya'* boleh diguna-pakai juga untuk tujuan memakmurkan dan menghidupkan mana-mana bulan hijrah selain bulan Ramadan.

Namun bagi umat Islam Malaysia pada umumnya lebih mudah dan praktikal dengan sebutan penghayatan atau menghidupkan bulan Ramadan. Adapun golongan terpelajar khususnya yang beraliran agama mengguna-pakai perkataan *ihya'* Ramadan dalam percakapan harian walaupun perkataan ini belum lagi diiktiraf dan dibukukan oleh kamus Dewan Bahasa dan Pustaka.

2.3 Kepentingan *Ihya'* Ramadan

Bulan Ramadan dikenali dengan bulan ketaatan dan bulan yang penuh dengan keberkatan, kerana Allah S.W.T mewajibkan ke atas kaum muslimin agar sentiasa mengamalkan segala ibadat terutamanya ibadat puasa. Malah pengisian segala amal ibadat dalam bulan Ramadhan perlu dilakukan dengan bersungguh-sungguh dan dengan penuh kesedaran dan keinsafan mengharapkan redaNya semata-mata.

Bersungguh-sungguh dalam mengerjakan amal ibadat pada bulan yang mulia ini adalah bermula dari seruan dan pengamalan Rasulullah S.A.W sendiri. Hal ini telah diutarakan oleh baginda yang menyatakan bahawa "masa antara Ramadhan hingga Ramadhan yang berikutnya akan diampuni dosa-dosa hambanya selagi mereka tidak melakukan dosa-besar".¹² Untuk itu umat Islam perlu mengembalikan suasana yang wujud pada zaman Rasulullah S.A.W untuk diperaktikkan dalam kehidupan mereka sehari-hari terutamanya sepanjang bulan Ramadhan.

Demikian juga kaum Muslimin perlu mengenal pasti budaya yang patut diamalkan dan yang perlu ditinggalkan, kemudian ianya diterjemahkan dalam kehidupan sehari-hari agar wujud keseimbangan serta kebahagiaan dunia dan akhirat. Suatu sifat yang perlu wujud dalam diri setiap muslim ialah menjauhi dan membebaskan diri dari belenggu kemaksiatan dan dosa. Perkara yang perlu

dilakukan ialah segera bertaubat kepada Allah S.W.T dan memohon keampunan daripadaNya. Allah S.W.T berfirman:

"وَسَارِعُوا إِلَى مَغْفِرَةٍ مِّنْ رَبِّكُمْ وَجَنَّةٍ عَرَضَهَا السَّمَاوَاتُ
وَالْأَرْضُ أَعْدَتْ لِلْمُتَقِّنِينَ"

Maksudnya:

"Dan bersegeralah kamu meminta keampunan daripada Tuhan kamu yang mana terdapat syurga yang seluas langit dan bumi yang disediakannya untuk orang yang bertakwa".¹³

Kecenderungan bertaubat dan memohon keampunan kepada Allah S.W.T perlu dimiliki oleh orang-orang yang beriman. Untuk membina sifat bertaubat ini, patut berbicara dengan diri sendiri, menilai, mengkritik dan membersihkannya dari perkara-perkara dosa.

Masyarakat Islam perlu sedar bahawa bulan Ramadan bukan bulan untuk berdamping dengan ahli keluarga, akan tetapi lebih mencari ketenangan dan bermunajat kepada Allah S.W.T. Mereka perlulah menghidupkan malam Ramadan dengan melakukan amalan-amalan sunat. Allah S.W.T telah menjanjikan kepada pemakmur bulan Ramadan dengan nikmat yang tidak terhingga iaitu Lailatulqadar. Firman Allah SWT :

"إِنَّا أَنْزَلْنَاهُ فِي لَيْلَةِ الْقَدْرِ * وَمَا أَدْرَاكُ مَا لَيْلَةُ الْقَدْرِ
لَيْلَةُ الْقَدْرِ خَيْرٌ مِّنْ أَلْفٍ شَهْرٍ"

Maksudnya:

"Sesungguhnya kami menurunkan al-Quran pada malam kemulian. Apakah yang kamu tahu tentang malam kemulian? Malam kemulian itu lebih baik daripada seribu bulan".¹⁴

Ramadan memberi keinsafan kepada golongan kaya yang sanggup menahan diri daripada makan dan minum kerana berpuasa serta menjauhi daripada hidangan keenakan kuih-muih dan lauk-pauk yang beraneka rasa, mereka menyedari tentang penderitaan dan kesusahan golongan miskin yang sentiasa dalam kepayahan dalam kehidupan sehari-hari. Diharap pada bulan yang mulia ini golongan kaya meringankan tangan untuk menghulurkan sedekah dan memberi bekalan makanan dan sesuatu yang bermanfaat kepada golongan yang mengharapkan bantuan terutamanya golongan miskin untuk mencapai sedikit kenikmatan hidup ini. Menyentuh hal demikian, Rasulullah S.A.W pernah bersabda:

"من فطر صائمًا كان له مثل أجره غير أن ينقص من
أجر الصائم شيء"¹⁵

Maksudnya:

"Barang siapa yang memberi makanan berbuka puasa kepada orang yang berpuasa, adalah baginya pahala seumpama pahala puasa orang yang berpuasa itu dengan tidak kurang pahala sedikit pun".¹⁵

Begitulah antara kepentingan-kepentingan menghidupkan bulan Ramadan dengan amalan kebajikan dan ketaatan kepada Allah S.W.T. Di mana Rasulullah S.A.W memberi peringatan kepada umat Islam agar sentiasa

memberi perhatian yang bersungguh-sungguh pada bulan Ramadan kerana setiap amalan ibadat sunat yang dilakukan pada bulan ini akan diberi pahala seumpama pahala amalan fardu dan setiap amalan fardu yang dilakukan pada bulan Ramadan akan digandakan dengan 70 pahala amalan fardu pada bulan-bulan yang lain.¹⁶

Perlu diingat bahawa amalan-amalan sunat yang dilakukan di bulan Ramadan menjadi contoh dan ikutan untuk diteruskan di bulan-bulan yang lain sebagaimana yang diamalkan oleh baginda Rasulullah S.A.W. Mudah-mudahan setiap amalan sunat yang lakukan akan berterusan pada bulan-bulan yang lain dengan berkat istiqamah yang disemaikan di bulan Ramadan.

2.4 Kelebihan *Ihya'* Ramadhan

Kehadiran Ramadan merupakan suatu hal yang dinanti-nantikan dan merupakan suatu “kegembiraan” kepada umat Islam, kerana ia mengandungi banyak kelebihan dan keistimewaan berbanding dengan bulan-bulan yang lain. Baginda Rasulullah S.A.W seringkali mengingatkan kepada para sahabat sebagaimana yang terdapat didalam khutbahnya tatkala tibanya Ramadan. Antara sabda baginda yang menyentuh tentang kelebihan dan keutamaan mengerjakan amal ibadat pada bulan Ramadhan adalah seperti berikut;

(a) Amalan sunat digandakan pahalanya seperti amalan fardu

Sebagaimana hadis yang diriwayatkan oleh Salman al-Fârisî dari khutbah Rasulullah S.A.W diakhir bulan Syaban dengan sabdanya:

"عن سلمان الفارسي قال : خطبنا رسول الله صلى الله عليه وسلم في اخر يوم من شعبان فقال : يا أيها الناس أظلكم شهر عظيم مبارك شهر فيه ليلة خير من ألف شهر - شهر جعل الله صيامه فريضة وقيام ليله تطوعا من تقرب فيه بخصلة كان كمن أدى فريضة في ما سواه ومن أدى فريضة فيه كان كمن أدى سبعين فريضة فيما سواه وهو شهر الصبر ، الصبر ثوابه الجنة وشهر المواساة وشهر يزداد في رزق المؤمن فيه من فيه من فطر فيه صائمًا كان مغفرة لذنبه وعائق رقبته من النار وكان له مثل أجره من غير أن ينقص من أجره شيء قالوا يا رسول الله ليس كلنا يجد ما يفطر الصائم فقال رسول الله صلى الله عليه وسلم يعطى الله الثواب من فطر صائمًا على تمراه أو شربه ماء أو مذقة لبن وهو شهر أوله رحمة وأوسطه مغفرة وءاخره عتق من النار منه خفف عن مملوكه فيه غفر الله له وأعنته من النار واستكثروا فيه من أربع خصال خصلتين ترضون بها ربكم فشهادة أن لا إله إلا الله وتسغفرون له وأما الخصلتان اللتان لا غناء بكم عنهما فتسئلون الله الجنة وتعوذون به من النار ومن سقا

صائما سقا الله من حوضى شربة لا يضماء حتى يدخل
الجنة

Maksudnya:

"Diriwayatkan oleh Salman al-Farisi (r.a) katanya "Rasulullah S.A.W pada hari terakhir bulan Syaban berkhutbah di hadapan kami, baginda bersabda: Wahai manusia! Sesungguhnya kamu beroleh satu bulan yang agung lagi diberkati, bulan yang membawa satu malam yang lebih baik daripada seribu bulan daripada bulan-bulan yang lain, bulan yang diwajibkan berpuasa beribadat pada malamnya menjadi sunat. Sesiapa yang berjaya mendekati diri melalui kerja-kerja kebaikan, dia diberi ganjaran seperti orang yang menunaikan satu fardu dalam bulan itu (Ramadan) ganjarannya adalah seperti mereka yang menunaikan 70 fardu dalam bulan lain.

Ramadan adalah bulan sabar, sedangkan sabar itu pahalanya syurga. Ramadan adalah bulan memberi pertolongan dan bulan Allah S.W.T menambah rezeki kepada para mukmin. Barang siapa memberi makanan berbuka kepada seseorang yang berpuasa, adalah yang demikian itu merupakan pengampunan bagi dosanya dan kemerdekaan dirinya dari neraka. Orang yang memberi makanan berbuka puasa baginya pahala orang yang mengerjakan puasa itu tanpa dikurangkan sedikitpun".

Para sahabat berkata: "Ya Rasulullah S.A.W, tidakkah kami semua memiliki makanan berbuka puasa itu untuk orang berbuka puasa?"

Maka Rasulullah S.A.W bersabda: "Allah S.W.T memberikan pahala itu kepada orang yang memberikan sebiji kurma atau seteguk air atau seteguk susu. Ia adalah bulan yang permulaannya rahmat, pertengahannya pengampunan dan diakhirnya kemerdekaan daripada neraka. Barangsiapa yang meringankan beban dari hamba sahaya, nescaya Allah S.W.T mengampuni dosanya dan kemederkaannya daripada neraka. Oleh itu banyakkanlah melakukan empat perkara utama dalam bulan Ramadan ini. Dua perkara untuk kamu menyenangkan tuhanmu dan dua perkara lagi untuk kamu sendiri kerana kamu amat memerlukannya".

"Dua perkara yang kamu lakukan yang menyenangkan Allah S.W.T ialah mengakui dengan sesungguhnya tidak ada Tuhan melainkan Allah S.W.T dan memohon ampun daripadanya. Dua perkara lagi yang kamu sangat memerlukannya ialah memohon syurga dan berlindung daripada azab neraka. Barang siapa yang memberi minum kepada orang yang berpuasa, nescaya Allah S.W.T memberi minum kepadanya dari air kolamnya dengan suatu minuman yang dia tidak merasa haus lagi sesudahnya sehingga dia memasuki syurga".¹⁷

(b) Pintu syurga dibuka dan ditutup pintu neraka

Rasulullah S.A.W memberi khabar gembira para sahabat dengan sabdanya:

فَعِنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : "إِذَا دَخَلَ شَهْرَ رَمَضَانَ فَتَحْتَ أَبْوَابِ السَّمَاءِ وَغُلِقَتْ أَبْوَابُ جَهَنَّمَ وَسَلَّمَتِ الشَّيَاطِينُ"

Maksudnya:

Dari Abi Hurairah berkata: Rasulullah S.A.W bersabda "Apabila masuk bulan Ramadan dibuka pintu-pintu langit (pintu-pintu syurga), ditutup pintu-pintu neraka jahanam dan dirantai para syaitan".¹⁸

(c) Dikategorikan mereka yang berpuasa termasuk di kalangan orang-orang yang benar dan orang mati syahid.

Hadis 'Amr ibn Murrah al-Juhaniyy menceritakan:

"جاء رجل إلى النبي صلى الله عليه وسلم فقال: يا رسول الله أرأيت إن شهدت أن لا إله إلا الله وأنك

رسول الله وصليت الصلوات الخمس وأديت الزكاة
وصمت رمضان وقمته، فمن أنا؟ قال "من الصديقين
والشهداء"

Maksudnya:

Seorang lelaki datang menemui Rasullullah S.A.W lalu dia berkata: "Wahai Rasulullah S.A.W apakah kata tuan seandainya saya menyaksikan bahawa tiada tuhan melainkan Allah S.W.T dan (saya menyaksikan) bahawa tuan adalah pesuruh Allah S.W.T, saya sembahyang lima waktu, saya mengeluarkan zakat, berpuasa di bulan Ramadan, bersembahyang di malam-malam Ramadan"? Maka di kalangan siapakan saya ini: Nabi S.A.W menjawab "termasuk kalian di kalangan orang-orang yang benar dan orang mati syahid".¹⁹

(d) Dihapuskan dosa selain dosa besar

Dari hal yang sama apa yang diriwayatkan oleh 'Abd Rahman ibn 'Auf bahawa Rasulullah S.A.W menyebut tentang bulan Ramadan dengan sabdanya:

"ان الله تبارك وتعالى فرض صيام رمضان عليكم
وسننت لكم قيامه فمن صامه وقامه ايمانا واحتسابا خرج
من ذنبه كيوم ولدته أمه"

Maksudnya:

"Sesungguhnya Allah S.W.T memfardukan puasa Ramadan ke atas kamu dan sesungguhnya saya (menerusi arahan Allah S.W.T) membuat peraturan agar bersembahyang malamnya, kerana itu sesiapa berpuasa Ramadan dan bersolat (tarawih) di malam harinya dalam keadaan beriman dan mengharapkan pahala (ikhlas kerana Allah S.W.T) nescaya dikeluarkan (bersih) dari pada segala dosa seperti keadaan (bersih) dia dilahirkan oleh ibunya".²⁰

Begitu juga dalam riwayat Muslim daripada Abu Hurairah (r.a) bahawa Rasulullah S.A.W bersabda:

الصلوات الخمس والجمعة الى الجمعة ورمضان الى
رمضان مكررات لما بينهن اذا اجتنبت الكبائر

Maksudnya:

"Sembahyang fardu lima waktu, bulan Ramadan ke bulan Ramadan dan hari jumaat ke hari jumaat menjadi penebus dosa di antaranya selama dijauhi dosa besar".²¹

(e) Ramadan bulan yang disunatkan khatam al-Quran

Buktinya sebagaimana sabda Rasulullah S.A.W:

" كان رسول الله صلى الله عليه وسلم أجود الناس وكان
أجود ما يكون في رمضان حين يلقاه جبريل وكان يلقاه
في كل ليلة من رمضان فيدرس القرآن ولرسول الله
صلى الله عليه وسلم أجود بالخير من الريح المرسل "

Maksudnya:

"Adalah Rasulullah S.A.W adalah seorang yang sangat pemurah, baginda sangat pemurah pada bulan Ramadan. Ketika baginda menemui Malaikat Jibril pada setiap malam bulan Ramadan dan mengajar baginda al-Quran. Rasulullah S.A.W benar-benar seorang pemurah dengan kebaikan yang lebih cepat dari angin bertiup ".²²

Ini bermakna pada setiap Ramadan patut dihabiskan 30 juz, malah ini menjadi satu sunnah. Ekoran daripada itu ulama berpendapat adalah elok dikhathamkan al-Quran dalam bulan Ramadan.²³ Rasulullah S.A.W juga sentiasa mendekatkan diri dengan Allah S.W.T sepanjang bulan Ramadan. Tambahan pula fadilahnya amat besar. Ini berlandaskan sabda Rasulullah S.A.W yang berbunyi :

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : "مَنْ قَامَ بِرَمَضَانَ إِيمَانًا وَاحْتِسَابًا غُفْرَانَ لِمَا تَقْدِمُ مِنْ ذَنْبٍ"

Maksudnya:

Daripada Abi Hurairah (r.a) berkata bahawa Rasulullah S.A.W bersabda "Sesiapa melakukan *qiyām al-lail* di bulan Ramadan dalam keadaan beriman dan mengharapkan pahalanya, nescaya akan diampunkan dosanya yang terdahulu".²⁴

Berdasarkan pada hadis-hadis yang lepas, maka dapat dibuat kesimpulan bahawa di bulan Ramadan yang penuh dengan pelbagai kelebihan dan kerahmatan daripada Allah S.W.T kepada umat manusia. Keadaan sedemikian memberi peluang kepada umat Muhammad berlumba-lumba mengerjakan amalan di bulan Ramadan. Bahkan mereka yang solat tarawih dijanjikan pahala yang berlipat ganda dan kedudukan yang tinggi sehingga Allah S.W.T menjadikan ganjaran pahala mereka berpuasa dan *qiyām* Ramadan adalah sama iaitu diampuni dosanya.²⁵

Begitu juga sekiranya umat Islam mengetahui kebaikan yang terkandung dalam bulan Ramadan itu tentulah mereka mengharapkan supaya Ramadan berlaku sepanjang tahun.²⁶ Mudah-mudahan di bulan Ramadan ini akan menambahkan rasa ketakwaan dengan istiqamah amal yang mereka lakukan. Juga diharap ke hadrat Allah S.W.T memberi kekuatan dan kesejahteraan untuk beramal terus menerus sehingga ke akhir hayat.

2.5 Solat Tarawih

2.5.1 Pendahuluan

Ramadan mempunyai keistimewaannya yang tersendiri jika dibandingkan dengan bulan-bulan yang lain. Ia adalah bulan untuk mendirikan solat tarawih yang dianggap satu latihan untuk berdamping dan menghampirkan diri kepada Allah S.W.T Seandainya umat Islam sanggup mengimarahkan bulan-bulan lain dengan beribadat di malam harinya, sudah tentu di bulan Ramadan yang hanya disambut sebulan sahaja dalam setahun dengan digandakan pahala 70 kali ganda, tidak wajar menyambutnya dengan rasa dingin. Sedangkan Allah S.W.T berfirman:

"وَمِنَ اللَّيْلِ فَاسْجُدْ لَهُ وَسِيحَةٌ لِلَّيْلِ طَوِيلًا"

Maksudnya:

"Dan pada sebahagian malam, sujudlah kamu kepadaNya dan bertasbihlah pada malam itu dengan panjang".²⁷

Harus disedari bahawa Rasulullah S.A.W sebagai seorang Rasul dan hamba yang mulia serta sempurna dalam semua aspek, namun demikian beliau mewajibkan untuk dirinya bersembahyang malam sebagai suatu kefarduan.²⁸ Terdapat hadis yang menceritakan tentang kesungguhan dan penuh minat baginda terhadap sembahyang malam hingga pecah kulit telapak kaki baginda. Keadaan ini menyebabkan isteri' baginda, 'Ummul Mukminin 'Aisyah (r.a)

bertanya baginda: Mengupakah tuan melakukan sedemikian sedangkan tuan seorang yang diampuni dosa oleh Allah S.W.T, baik dosa yang lalu maupun akan datang. Maka tegas baginda dengan sabdanya:

"يَا عَائِشَةً، أَفَلَا أَكُونْ عَبْدًا شَكُورًا"

Maksudnya:

"Wahai 'Aisyah, tidakkah aku ini seorang hamba yang bersyukur".²⁹

Allah S.W.T juga berfirman:

"وَمِنَ اللَّيلِ فَتَهْجُدْ بِهِ نَافِلَةً لِكَ عَسَى أَنْ يَبْعَثَ رَبُّكَ

"مقاماً محموداً"

Maksudnya:

"Bertahajjudlah engkau di sebahagian malam sebagai suatu ibadat tambahan, semoga Allah S.W.T mengangkat kedudukan yang terpuji kepada engkau".³⁰

Sungguhpun umat Islam dituntut mencontohi Rasulullah S.A.W dalam semua aspek akan tetapi dalam ibadat tambahan (qiamullail) hanya khusus untuk dirinya (kefarduan tersebut) bukan untuk umum.³¹ Ini berdasarkan sebuah hadis yang berbunyi:

"كان رسول الله صلى الله عليه وسلم يرحب في قيام رمضان من غير أن يأمر فيه بعزيمة، فيقول "من قام رمضان ايماناً واحتساباً غفر له ما تقدم من ذنبه" فتوفي رسول الله صلى الله عليه وسلم والأمر على ذلك. ثم

كان أمر على ذلك في خلافة أبي بكر وصدر من
خلافة عمر على ذلك³²

Maksudnya:

"Sesungguhnya Rasulullah S.A.W gemar solat malam di bulan Ramadan tanpa diperintah secara wajib. Dan beliau bersabda lagi: Barang siapa mengerjakan solat malam di bulan Ramadan kerana iman (secara ikhlas) dan mengharapkan pahala dari Allah S.W.T, nescaya diampun dosanya yang lepas. Setelah wafat Rasulullah S.A.W perintah tersebut masih kekal seperti itu. Demikian pada masa khalifah Abu Bakar dan permulaan pemerintahan 'Umar ibn al-Khattab".³²

Umumnya sebahagian umat Islam terlalu rakus mengejar pahala yang berganda di bulan Ramadan yang membuatkan mereka melampaui batas dalam beribadat. Apa yang dapat dilihat, banyak ketempangan dalam bertarawih yang dilakukan oleh segelintir umat Islam pada hari ini, antaranya mereka melakukan tanpa ada kerehatan kerana mahukan serba cepat dan pantas. Setengah daripadanya tidak sah (batal) sembahyang mereka dengan meninggalkan *tuma'ninah*. Keadaan sedemikian berlaku kerana semata-mata ingin mengejar bilangan rakaat sehingga terpaksa ditinggalkan perkara-perkara sunat dalam sembahyang.

Apa yang dimaklumi bahawa sembahyang tarawih ialah sembahyang secara berehat-rehat dan bersenang-senang dengan dikerjakan secara berdisiplin dan keikhlasan serta *tadabbur* ayat-ayat yang dibaca semasa bersolat. Jadi sudah sampai masanya umat Islam mengubah cara mereka bertarawih dan

mengikuti cara yang dilakukan oleh Rasulullah S.A.W dan para sahabat. Dengan meneliti bacaan surah yang dibaca ketika bertarawih mendorong roh al-Quran itu melekat di hati umat Islam. Menyentuh hal ini Allah S.W.T berfirman:

”كتاب أَنْزَلْنَاهُ إِلَيْكُمْ مَبْارِكٌ لِيَدْبِرُوا عَمَّا يَهْوِي وَلِيَذَكَّرُ أُولُو الْأَلْبَابِ“

Maksudnya:

”Ini adalah sebuah kitab yang kami turunkan kepadamu dengan penuh berkat supaya kamu semua dapat memerhati ayat-ayatnya dan menjadi pengajaran kepada orang-orang yang berfikir“³³

Di sini Allah S.W.T menegaskan al-Quran adalah kitab yang penuh dengan keberkatan dan rahmat. Jadi apa yang patut ialah merenungi ayat-ayat suci al-Quran serta meneliti isi kandungan dan makna yang tersirat dan tersurat dalam bacaan tersebut.

2.6 Pengertian Solat Tarawih

”Solat“ dari perspektif bahasa ialah ”doa“.³⁴ Adapun dalam istilah hukum Islam bererti ”suatu ibadat yang terdiri daripada perkataan dan perbuatan yang dimulai dengan takbir dan disudahi dengan salam“.³⁵

Manakala ”tarawih“ atau ”*at-Tarawīh*“ berasal dari kalimah Arab dari kata terbit ”*rāha*“ yang bererti lega.³⁶ Adapun nama terbitan ”*rāha*“ iaitu

“*tarwīḥah*” yang membawa maksud “kerehatan”.³⁷ Bahasa Malaysia menerima pakai secara langsung pemakaian perkataan “solat tarawih” dengan menyebutnya sebagai “tarawih”.

Umumnya, pemakaian kata *at-tarawīḥ* secara bersahaja adalah “nama bagi solat sunat yang didirikan selepas sembahyang Isyak dalam bulan Ramadan”.³⁸ Di dalam penggunaanya untuk menunjukkan suatu maksud yang bersandar dengan lafaz tarawih mestilah dihubungkan dengan sesuatu pemakaian seperti imbuhan dan sebagainya. Contoh bertarawih menunjukkan maksud yang dikehendaki ialah melakukan atau suatu aktiviti sembahyang tarawih.³⁹

Walaupun perkataan tarawih adalah berasal dari perkataan Arab tapi cara sebutannya lebih mudah dipakai umum oleh masyarakat Malaysia. Penulis juga “komited” dengan sebutan tarawih sebagai sebutan dan ejaan yang diiktiraf oleh Kamus Dewan dan Pustaka.

2.7 Sebab-Sebab Dinamakan Solat Terawih

Umumnya perletakan nama bagi solat terawih sebagai tarawih berlandaskan kepada sebab yang pelbagai. Namun hakikatnya tidak bertembung atau bercanggah antara satu sama lain. Muhammad ‘Ali as-Sabūnī berpendapat sebab dinamakan demikian kerana sembahyang tersebut panjang

bacaan, mempunyai rakaat tertentu dan dikerjakan dengan cara beristirehat setiap empat rakaat, kemudian disambung lagi sembahyang itu.⁴⁰

Ada juga berpendapat penamaan solat ini dengan tarawih kerana apabila dikerjakan dua rakaat, para jemaah dan imam berehat seketika.⁴¹ Manakala Hasbi Ash Shiddieqy berpendapat ianya dinamai demikian kerana para sahabat mengerjakan solat malam tersebut dengan cara berhenti untuk beristirehat di tiap-tiap empat rakaat. Mereka mengerjakan dengan cara demikian kerana menteladani cara yang dilakukan oleh Rasulullah S.A.W.⁴² Ini diperolehi dari sumber hadis yang diriwayatkan oleh al-Baihaqi dari 'Aisyah (r.a) berkata:

"كان رسول الله صلى الله عليه وسلم يصلى أربع ركعات في الليل ثم يتروح فاطال حتى رحمته"

Maksudnya:

"Adalah Rasulullah S.A.W mengerjakan solat empat rakaat di malam hari kemudian bersenang-senang lama sekali sehingga aku rasa sayang kepadanya".⁴³

Berlandaskan hadis ini, pemakmur *qiyam* Ramadan apabila mereka bersolat secara beristirehat setiap empat rakaat sehingga dapat memulakan selepasnya, mereka bukan sahaja dapat melakukan dengan cergas dan bersemangat bahkan dapat dihayati solat itu dengan penuh khusyuk.⁴⁴ Demikian pendapat Ibn Manzur bahawa solat tarawih hendaklah dilakukan empat rakaat dengan sekali istirahat supaya ianya tidak memenatkan.⁴⁵

Manakala kadar masa kerehatan selepas solat tarawih yang dilakukan 4 rakaat itu tidak ada ketetapan. Ianya mengikut keperluan dan keadaan setempat dan juga kehendak para makmun itu sendiri. Di antara sumber yang menjelaskan perkara sedemikian sebagaimana kata Yazid ibn Wahab:

"كان عمر بن الخطاب رضي الله عنه يروحنا في رمضان: يعني بين الترويحتين قدر ما يذهب الرجل من المسجد الى السلع"

Maksudnya:

"Bawaha 'Umar ibn al-Khattab (r.a) memberi kerehatan kepada kami pada bulan Ramadan iaitu di antara solat tarawih sekadar pergi seorang lelaki ke (pasar) mencari barang keperluan".⁴⁶

Berdasarkan hadis di atas, masa kerehatan ini adalah berbeza-beza. Al-Hassan pernah berkata bahawa Sayyidina 'Umar pernah menyuruh Ubaiy dan para makmun supaya berehat antara solat-solat tarawih sekadar masa berwuduk dan qada hajat sahaja.⁴⁷ Manakala Dr. Fath Hassan berpendapat bahawa masa kerehatan yang dilakukan oleh umat Islam pada zaman ini agak sekejap sahaja jika dibandingkan dengan umat Islam pada masa dahulu sebagaimana umat Islam pada zaman 'Umar ibn 'Abd 'Aziz pernah melakukan tawaf antara tiap-tiap empat rakaat solat tarawih sebelum disambung semula.⁴⁸

2.8 Sejarah Solat Tarawih

Menurut sejarah antara sabda Rasulullah S.A.W yang mula-mula diucapkan semasa baginda berhijrah ke Madinah *al-Munawwarah* ialah menyuruh penduduknya supaya sembahyang malam. Antara hadis yang menceritakan hal tersebut dapat dilihat dalam sabda Rasulullah S.A.W yang berbunyi:

" يَا أَيُّهَا النَّاسُ افْشِلُوا السَّلَامَ وَأَطْعُمُو الْجَانِعَ الطَّعَامَ
وَصُلُّو الْأَرْحَامَ وَصُلُّو بِاللَّيْلِ وَالنَّاسُ نَيَّمٌ تَدْخُلُوا الْجَنَّةَ
سَلَامٌ " بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Maksudnya:

"Wahai manusia, sebarkanlah salam, berilah makan kepada orang yang lapar (fakir miskin), berbuat baiklah kepada kaum kerabat dan bersolatlah di malam hari ketika manusia sedang tidur nescaya kamu akan masuk syurga dengan sejahtera".⁴⁹

Sudah dimaklumi bahawa solat tarawih hanya dikhusus pada bulan Ramadan sahaja dan di bulan-bulan lain ianya dinamakan qiamullail. Apabila qiamullail ini dilakukan pada bulan Ramadan ianya dinamakan *qiyyam* Ramadan. Syeikh Atiyah berpendapat solat tarawih yang dilaksanakan pada zaman Rasulullah S.A.W adalah secara berperingkat-peringkat.⁵⁰ Ini dapat dilihat menerusi hadis-hadis Rasulullah S.A.W: -

Peringkat pertama ialah semata-mata mengemar dan menggalakkan umat Islam pada zamannya mengerjakan solat tarawih. Antaranya hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah yang berbunyi:

"كان رسول الله صلى الله عليه وسلم يرحب في قيام رمضان من غير أن يأمر فيه بعزمية. فيقول "من قام رمضان ايمانا واحتسابا غفر له ما تقدم من ذنبه" فتوفي رسول الله صلى الله عليه وسلم والأمر على ذلك. ثم كان أمر على ذلك في خلافة أبي بكر وصدر من خلافة عمر على ذلك"

Maksudnya:

"Sesungguhnya Rasulullah S.A.W gemar solat malam di bulan Ramadan tanpa diperintah secara wajib. Dan beliau bersabda lagi: Barang siapa mengerjakan solat malam di bulan Ramadan kerana iman (secara ikhlas) dan mengharapkan pahala dari Allah S.W.T, nescaya diampun dosanya yang lepas. Setelah wafat Rasulullah S.A.W keadaan perintah tersebut masih kekal seperti itu. Kemudian begitu juga pada masa khalifah Abu Bakar dan permulaan pemerintahan 'Umar ibn al-Khattab'.⁵¹

Galakan yang dianjurkan oleh Rasulullah S.A.W adalah sebagai perangsang kepada umat Islam agar mengejar fadilah dalam bulan Ramadan, lebih-lebih lagi ianya datang sebulan sahaja dalam setahun. Syeikh 'Atiyyah berpendapat apa yang dimaksudkan dengan "يرحب في قيام رمضان من غير أن يأمر فيه بعزمية"

"غير أن يأمر فيه بعزمية" iaitu galakan tanpa menentu bilangan rakaat dan tidak dipaksa melakukannya.⁵² Manakala setengah ulama pula berpendapat

yang dimaksudkan dengan perkataan “بِرْ غَبَّ” dalam hadis di atas ialah pahala atau fadilah sahaja.⁵³ Jadi apa yang difahami bahawa Rasulullah S.A.W memberitahu kepada para sahabat tentang ganjaran pahala mereka yang menghidupkan malam Ramadhan dalam ibadat tanpa dipaksa melakukannya.

Anjuran Rasulullah S.A.W supaya menghidup malam-malam Ramadhan membawa hasil, sehingga para sahabat berlumba-lumba mengerjakan solat tarawih sama ada secara individu atau secara berjemaah. Ini berlandaskan hadis yang diriwayatkan oleh Anas yang dikemukakan oleh al-Marwazi:

”كان رسول الله صلى الله عليه وسلم يصلى في رمضان، فجئت وقفت إلى جنبه ثم جاء آخر، ثم جاء آخر حتى كنا رهطا، فلما أحس رسول الله صلى الله عليه وسلم أنا خلفه تجوز في الصلاة، ثم دخل منزله، فلما دخل منزله صلى صلاة لم يصلها عندنا فلما أصبحنا قلنا : يا رسول الله أوفتنك لنا البارحة؟ فقال: نعم، وذاك الذي حملني على ما صنعت ”

Maksudnya:

“Adalah Rasulullah S.A.W sembahyang malam di bulan Ramadhan, maka saya datang (ke masjid) lalu berdiri di belakang baginda, maka orang ramai datang seorang demi seorang sehingga kami menjadi satu kumpulan (3-10 orang). Bila Rasulullah S.A.W mendapati saya dibelakangnya, baginda pun memendekkan bacaan lalu memasuki bilik dan mengerjakan sembahyang yang baginda belum lakukannya.

Manakala paginya, kami bertanya beliau adakah tuan sembahyang bersama kami pula seperti sembahyang kelmarin. Baginda menjawab: Ya, demikianlah keadaan di mana saya ditugaskan bertanggungjawab terhadap apa yang saya lakukan.⁵³

Berdasarkan hadis ini, solat tarawih adalah sunat sahaja, yang mana apabila Rasulullah S.A.W merasakan ada para sahabat yang sembahyang di belakangnya lalu baginda memendekkan bacaan dan masuk ke dalam biliknya. Dalam hadis yang lain,⁵⁵ para sahabat telah membanjiri masjid untuk bersembahyang bersama Rasulullah S.A.W setelah mereka mengetahui baginda bersembahyang di malam-malam di bulan Ramadan. Bila mengetahui keadaan tersebut, baginda tidak keluar lagi untuk bersembahyang bersama mereka kerana dibimbangi solat tersebut menjadi satu kefarduan.

Peringkat kedua terdapat nas yang menyatakan bahawa *qiyām* Ramadan merupakan suatu perkara yang sangat dianjurkan dan dituntut melakukannya atau dengan kata lain ia adalah suatu perkara yang “diberatkan” mengerjakannya pada bulan Ramadan.⁵⁶ Ini berdasarkan kepada penggunaan kalimatnya yang terletak selepas daripada kefarduan berpuasa. Landasan peringkat kedua ini dipetik daripada hadis yang diriwayatkan oleh ‘Abd Rahman ibn ‘Auf bahawa Rasulullah S.A.W bersabda:

”ان الله تبارك وتعالى فرض صيام رمضان عليكم
وستنت لكم قيامه فمن صامه وقامه ايمانا واحتسابا خرج
من ذنبه كيوم ولدته أمه.“

Maksudnya:

"Sesungguhnya Allah S.W.T memfardukan puasa Ramadhan ke atas kamu dan sesungguhnya saya (menerusi arahan Allah S.W.T) membuat peraturan agar bersembahyang malamnya, kerana itu sesiapa berpuasa Ramadhan dan bersolat (tarawih) di malamnya dalam keadaan beriman dan mengharapkan pahala (ikhlas kerana Allah S.W.T) nescaya dikeluarkan (bersih) daripada segala dosa seperti keadaan (bersih) dia dilahirkan oleh ibunya".⁵⁷

Intipati daripada hadis-hadis di atas menunjukkan tingkatan hukum solat tarawih telah meningkat daripada galakkan supaya melakukannya (sunat) kepada sunat yang sangat dituntut mengerjakannya iaitu sunat *muaakad*. Ini memandangkan Rasulullah S.A.W adalah orang yang mula-mula sekali mendirikan solat tarawih.

Permulaan sembahyang tarawih dilakukan secara berjemaah ialah pada zaman Khalifah ‘Umar ibn al-Khattab.⁵⁷ Pada zaman Rasulullah S.A.W sehingga di saat baginda meninggal dunia sehingga pada zaman Abu Bakar as-Siddiq dan permulaan zaman pemerintahan ‘Umar ibn al-Khattab, sembahyang tarawih dilakukan secara berjemaah di masjid dan kadang-kadang dikerjakan bersendirian, baik di masjid maupun di rumah.⁵⁸

Mengenai tindakan Khalifah ‘Umar menyusun orang ramai supaya sembahyang tarawih dilakukan secara berjemaah diterangkan dalam sebuah *athar* yang diriwayatkan oleh Bukhari sebagaimana yang dikemukakan oleh imam Malik dalam kitab "al-Muwatta'" yang berbunyi :

"عبد الرحمن بن القارى انه خرج مع عمر بن الخطاب رضى الله عنه ليلة فى رمضان، فإذا الناس أزواع متفرقون يصلى الرجل فيصلى بصلاته الرهط. فقال عمر: والله أنى لأظننى لو جمعت هؤلاء على قارىء واحد لكان أمثل . ثم عزم فجمعهم على أبي بن كعب، قال : ثم خرجت معه ليلة أخرى والناس يصلون بصلوة قارئهم . فقال عمر: نعم البدعة هذه ، والتي ينامون عنها أفضل من التي يقومون فيها، يريد آخر الليل، وكان الناس يقومون أوله"

Maksudnya:

"Daripada 'Abd Rahman al-Qārī, bahawa 'Umar pada suatu malam keluar ke masjid di bulan Ramadan, sedangkan para jemaah berpuak-puak (mengerjakan sembahyang), ada yang bersembahyang bersendirian dan ada yang diikuti oleh beberapa orang. Maka 'Umar berkata : Demi Allah S.W.T saya fikir lebih baik dikumpulkan mereka ini untuk seorang imam (diimami oleh seorang imam). Maka beliau menyuruh Ubaiy ibn Ka'ab supaya mengimami mereka dalam sembahyang malam di bulan Ramadan. Maka pada suatu malam beliau melihat mereka bersembahyang diimami oleh Ubaiy ibn Ka'ab. Melihat perkara itu 'Umar berkata: Inilah sebaik-baik bidaah dan mereka yang tidur awal lebih baik daripada mendirikan sembahyang malam, beliau kehendaki di sini sembahyang akhir malam lebih baik. Akan tetapi mereka mengerjakan qiyam Ramadan di awal malam".⁶⁰

Syeikh Muhammad as-Sabuni menyatakan bahawa perbuatan Khalifah 'Umar mengumpulkan para sahabat untuk solat berjemaah yang diimami oleh Ubaiy adalah hanya pandangan Khalifah 'Umar sahaja. Walaubagaimanapun pada zaman Rasulullah S.A.W solat tarawih juga dilakukan secara berjemaah

namun ianya tidak diberati – Bererti terdapat di kalangan sahabat yang mendirikannya secara berjemaah dan ada yang melakukannya secara bersendirian.⁶¹ Manakala pada zaman Khalifah ‘Usman tidak banyak perubahan mengenai solat tarawih, hanya beliau menambah doa khatam al-Quran pada hari terakhir bulan Ramadan.⁶² Keadaan zaman sahabat berlanjutan sehingga zaman para tabiin tanpa perubahan dari segi *kaifiat* dan bilangan rakaat sehingga sekarang. Cuma terdapat sedikit pertambahan bilangan rakaat pada zaman Khalifah ‘Umar ibn ‘Aziz di masjid Madinah iaitu sebanyak 36 rakaat yang berdasarkan ijtihad beliau sendiri. Pertambahan rakaat ini berlaku kerana ingin mendapatkan pahala disebabkan penduduk Mekah bertarawih sebanyak 20 rakaat dan mengerjakan sekali tawaf setelah selesai 4 rakaat solat tarawih dan 4 rakaat terakhir mereka sambungkan dengan witir. Ini bermakna penduduk Mekah mengerjakan 4 kali tawaf sahaja sebelum selesai solat tarawih. Jadi Khalifah ‘Umar ibn Aziz menambah rakaat solat tarawih pada sekali tawaf dengan 4 rakaat, maka $4 \times 4 = 16$ rakaat. Dengan itu bila dihitung 20 rakaat dan 16 rakaat (hasil tambahan rakaat sebagai gantian dengan tawaf penduduk Mekah) maka terhasillah 36 rakaat.⁶³

Imam as-Syafi’i berkata:

*“Aku lihat penduduk Madinah mendirikan solat tarawih 39 rakaat (3 rakaat witir) dan aku lebih suka 20 rakaat berdasarkan athar yang diriwayatkan oleh Khalifah ‘Umar. Manakala penduduk Mekah mendirikan solat tarawih 20 rakaat dan di tambah 3 rakat witir”*⁶⁴

2.9 Kelebihan Solat Tarawih

Sepanjang yang diketahui, perkataan “tarawih” atau “solat tarawih” tidak disebut dalam hadis-hadis yang memperkatakan kelebihan dan keutamaan ibadat pada bulan Ramadan. Yang ada hanya *qiyām* Ramadan, namun para ulama tidak mempertikaikan tentang keutamaan ibadat ini. Malah semuanya sepakat bahawa ibadat ini termasuk antara sunat *muaakad*. Abu Hurairah (r.a) meriwayatkan daripada Nabi S.A.W bahawa baginda bersabda:

عن أبي هريرة رضي الله عنه أن رسول الله صلى الله عليه وسلم قال : "من قام رمضان ايمانا واحتسابا غفر له ما تقدم من ذنبه"

Maksudnya:

Daripada Abu Hurairah (r.a) berkata bahawa Rasulullah S.A.W bersabda “Sesiapa bertarawih di bulan Ramadan dalam keadaan beriman dan mengharapkan pahalanya, nescaya akan diampunkan dosanya yang terdahulu”⁶⁵

Seterusnya Rasulullah S.A.W menyebut tentang bulan Ramadan dengan sabdanya:

" ان الله تبارك وتعالى فرض صيام رمضان عليكم
وسنن لكم قيامه فمن صامه وقامه ايمانا واحتسابا
خرج من ذنبه كيوم ولدته أمه "

Maksudnya:

“Sesungguhnya Allah S.W.T memfardukan puasa Ramadan ke atas kamu dan sesungguhnya saya (menerusi arahan Allah S.W.T) membuat peraturan agar bersembahyang malamnya, kerana itu sesiapa berpuasa Ramadan dan bersolat (tarawih)

di malam harinya dalam keadaan beriman dan mengharapkan pahala (ikhlas kerana Allah S.W.T) nescaya dikeluarkan (bersih) daripada segala dosa seperti di hari dia dilahir oleh ibunya".⁶⁶

Manakala hadis 'Amr ibn Murrah al-Juhaniyy menceritakan:

"جاء رجل الى النبى صلی الله عليه وسلم فقال: يا رسول الله أرأيت ان شهدت أن لا إله الا الله وأنك رسول الله وصليت الصلوات الخمس وأديت الزكاة وصمت رمضان وفمنه، فممن أنا؟ قال "من الصديقين والشهداء"

Maksudnya:

"Seorang lelaki datang menemui Rasullulah S.A.W lalu dia berkata: "Wahai Rasulullah S.A.W apakah kata tuan seandainya saya menyaksikan bahawa tiada tuhan melainkan Allah S.W.T dan (saya menyaksi) bahawa tuan adalah pesuruh Allah S.W.T, saya sembahyang lima waktu, saya mengeluarkan zakat, berpuasa di bulan Ramadan, bersembahyang di malam-malam Ramadan"? Maka di kalangan siapakan saya ini: Nabi S.A.W menjawab "(pahala kalian termasuk di kalangan orang-orang yang benar dan mati syahid)".⁶⁷

Ketiga-tiga hadis di atas menggambarkan kelebihan solat tarawih dan *qiyyam* Ramadan. Ganjaran dan pahala ibadat pada malam-malam Ramadan akan dihapuskan dosa-dosa yang lepas. Menurut Dr. Fadl Hassan 'Abbas bahawa kedudukan pahala *qiyyam* Ramadan ini amat tinggi di sisi Allah S.W.T sehingga menjadi pahala berpuasa dan *qiyyam* Ramadan adalah sama iaitu diampuni segala dosa.⁶⁸ Begitu juga kedudukan mereka yang menghidupkan

malam-malam Ramadan dikategorikan seperti pahala orang-orang yang benar dan mati syahid.

Pada bulan Ramadan terdapat satu malam yang paling baik untuk melakukan amal ibadat, iaitu Lailatulqadar. Mengenai Lailatulqadar ada dijelaskan dalam al-Quran sebagai berikut:

اَنَا اُنْزَلَنَا فِي لَيْلَةِ الْقَدْرِ * وَمَا اُدْرِكُ مَا لَيْلَةُ الْقَدْرِ * لَيْلَةٌ
الْقَدْرُ خَيْرٌ مِّنْ أَلْفٍ شَهْرٍ

Maksudnya:

“Sesungguhnya kami menurunkan al-Quran pada malam kemuliaan. Apakah yang kamu tahu tentang malam kemuliaan. Malam kemuliaan itu lebih baik daripada seribu bulan”.⁶⁹

Bila dihitung dengan kiraan tahun, kelebihan beribadat pada malam kemuliaan (Lailatulqadar) adalah lebih 80 tahun. Menurut Ibn Kathir bahawa para sahabat Rasulullah S.A.W kagum apabila mendengar cerita tentang empat orang bani Israil yang berbakti kepada Allah S.W.T selama 80 tahun dan tidak pernah melakukan kejahatan sedikitpun. Akhirnya, Malaikat Jibril datang dan berkata kepada Nabi Muhammad: “Ya, Muhammad! Umatmu kagum dengan cerita pengabdian mereka (bani Israil) selama 80 tahun yang tidak sedikitpun melakukan maksiat. Sesungguhnya Allah S.W.T akan menurunkan kepada umatmu keadaan yang lebih baik daripada itu, lalu dibaca oleh Jibril ayat-ayat itu (surah al-Qadar).⁷⁰

Adapun yang digariskan oleh Rasulullah S.A.W untuk menunggu Lailatulqadar ialah dengan meningkatkan amal ibadat, mengajak ahli keluarga sembahyang berjemaah dan bukannya dengan cara mencari tanda-tanda turunnya Lailatulqadar. Ini merupakan amalan yang dilakukan oleh baginda dan juga para sahabat bukan menunggu adanya tanda-tanda tertentu tibanya Lailatulqadar. Hal ini dijelaskan dalam sebuah hadis yang diriwayat oleh Bukhari dan Muslim sebagai berikut:

عَنْ عَائِشَةَ قَالَتْ: كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذَا دَخَلَ الْعَشْرَ أَيَّ الْعَشْرِ الْآخِيرِ مِنْ رَمَضَانَ شَدَّ مُنْزَرَهُ وَأَحْيَا لَيْلَهُ وَأَيْقَظَ أَهْلَهُ

Maksudnya:

"Dari 'Aisyah, dia berkata: Apabila sudah masuk sepuluh malam terakhir bulan Ramadan, maka Rasulullah S.A.W sangat bersungguh-sungguh dan sepanjang malam baginda beramal serta dibangunkan ahli keluarganya.⁷¹

Demikian gambaran yang dijelaskan oleh baginda Rasulullah S.A.W tentang kelebihan solat tarawih yang sewajarnya dilakukan oleh umat Islam di mana ganjaran pahala yang dikurniakan oleh Allah S.W.T amat tinggi nilainya. Ini berpandukan kepada Rasulullah S.A.W sendiri yang bersungguh-sungguh mengerjakannya.

2.10 Hukum Solat Tarawih

Solat tarawih adalah sembahyang yang dilakukan pada malam Ramadan. Ianya dikerjakan selepas waktu Isyak sama ada sebelum atau selepas mengerjakan solat witir.⁷² Hukum solat tarawih adalah sunat bagi lelaki dan wanita. Rasulullah S.A.W tekun mengerjakannya dan menggesa umat Islam agar menghidupkan malam-malam Ramadan.⁷³ Tidak ada perselisihan pendapat di kalangan ulama tentang kedudukan solat tarawih sebagai solat sunat.⁷⁴

2.11 Hukum Solat Tarawih Secara Berjemaah

Para fuqaha berselisih pendapat tentang menjemaahkan solat tarawih di bulan Ramadan. Perselisihan mereka bukanlah dalam perkara dasar tetapi dari sudut fadilah sahaja kerana solat tarawih berlaku sekali dalam setahun. Dalam ertikata lain, manakah lebih afdal dikerjakan solat tarawih sama ada secara berjemaah atau berseorangan? Kecenderungan dalam mengejar pahala dan ganjaran yang berlipat ganda di bulan ini menambahkan sedikit-sebanyak buah fikiran untuk membincangkannya. Ianya adalah sebagaimana berikut:

Pendapat pertama : Jumhur ulama yang terdiri daripada Imam Hanafi, Imam Syafi'i, kebanyakan sahabat as-Syafi'iyyah, Imam Ahmad dan sebahagian ulama Maliki berpendapat bahawa sembahyang tarawih lebih afdal

dilakukan secara berjemaah.⁷⁵ Pendapat mereka adalah didasarkan kepada perbuatan Rasulullah S.A.W yang adakalanya baginda solat secara berjemaah. Namun ianya tidak dikerjakan berterusan kerana dibimbangi akan dianggap fardu oleh umatnya.

Selain daripada hujjah di atas, pendapat ini diperkuatkan dengan hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah yang berbunyi :

”خرج رسول الله صلى الله عليه وسلم فإذا أنس فـى
رمضان يصلون فى ناحية مسجد فقال : ما هؤلاء ؟
فقيل : هؤلاء ناس ليس معهم قرآن، وأبى بن كعب
رضى الله عنه يصلى وهم يصلون بصلاته . فقال
رسول الله صلى الله عليه وسلم : أصابوا ونعم ما
صنعوا ”

Maksudnya:

*“(Pada malam di bulan Ramadan) Rasulullah S.A.W keluar ke masjid, tiba-tiba beliau dapati para sahabat sedang bersembahyang di suatu penjuru masjid. Lalu baginda bertanya: Siapakah mereka itu? Maka para sahabat menjawab: Itulah orang yang tidak menghafal al-Quran, sedangkan Ubaiy ibn Ka'ab (yang mahir membaca al-Quran) bersembahyang mengimami mereka. Lalu Rasulullah S.A.W bersabda: “Benarlah apa yang mereka lakukan dan itulah sebaik-baiknya perlakuan”.*⁷⁶

Walau bagaimanapun, terdapat nas yang menyatakan bahawa sembahyang berjemaah di rumah hukumnya harus serta mendapatkan fadilah yang sama dengan berjemaah di masjid. Ini berdasarkan dari hadis yang

diriwayatkan oleh Ubaiy bin Ka'ab yang mana beliau telah datang berjumpa Rasulullah S.A.W di bulan Ramadan lalu berkata : "Wahai Rasulullah S.A.W, pada suatu malam saya menghadapi masalah", Nabi bertanya "Apakah masalahnya?", Ubaiy menjawab:

"نَسْوَةٌ فِي دَارِي قَلَنْ : اِنَا لَا نَقْرَأُ الْقُرْآنَ بِصَلَاتِكَ قَالْ
: فَصَلَّيْتُ بِهِنْ ثَمَانِي رُكُعَاتٍ ثُمَّ أَوْتَرْتُ ذَكَانَ شَبَهَ
الرَّضَا وَلَمْ يَقُلْ شَيْئًا"

Maksudnya:

"Ada beberapa orang wanita di rumahku mengadu : "Sesungguhnya kami tidaklah (mahir) membaca al-Quran, (lalu kami bersembahyang di sebelah belakang) menuruti sembahyang engkau. Maka saya pun bersembahyang mengimami mereka sebanyak 8 rakaat dan sembahyang witir (selepas itu). Mengenai hal ini, Rasulullah S.A.W diam (tidak melarang dan tidak pula menyuruh) dan keadaan itu menunjukkan keredaan (diluluskan) daripada baginda"."

Hujah yang seterusnya, Rasulullah S.A.W sendiri pernah solat tarawih secara berjemaah dan baginda menyatakan kelebihannya. Ini berdasarkan hadis yang diriwayatkan oleh Abu Dzar yang berbunyi:

"صَمَدْنَا مَعَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ رَمَضَانَ فَلَمْ
يَقُلْ بَنَا شَيْئًا الشَّهْرُ حَتَّى بَقِيَ سَبْعَ فَقَامَ بَنَا حَتَّى ذَهَبَ
ثَلَاثَ اللَّيْلَاتِ فَلَمَا كَانَتِ السَّادِسَةُ لَمْ يَقُلْ بَنَا فَلَمَا كَانَتِ
الخَامِسَةُ قَامَ بَنَا حَتَّى ذَهَبَ شَطَرَ اللَّيْلِ، فَقَالَتْ: يَا رَسُولَ
اللَّهِ! لَوْ نَفَتَنَا قِيَامُ هَذِهِ اللَّيْلَةِ، فَقَالَ: إِنَّ الرَّجُلَ إِذَا صَلَّى
مَعَ الْإِمَامِ حَتَّى يَنْصَرِفَ حَسْبَ لِهِ قِيَامُ لَيْلَةٍ".

"فَلَمَّا كَانَتِ الرَّابِعَةُ لَمْ يَقُمْ، فَلَمَّا كَانَتِ الْثَالِثَةُ جَمَعَ أَهْلَهُ وَنِسَاءَهُ وَالنَّاسَ، فَقَامَ بَنَا حَتَّى خَشِينَا أَنْ يَفْوَتَنَا الْفَلَاحُ. قَالَ: قَلْتُ: مَا الْفَلَاحُ؟ قَالَ: السَّحُورُ، ثُمَّ لَمْ يَقُمْ بِنَا بَقِيَّةَ الشَّهْرِ".

Maksudnya:

"Kami berpuasa bersama Rasulullah S.A.W pada bulan Ramadan, namun baginda tidak melakukan sesuatu (sembahyang) dengan kami di bulan itu sehingga tinggal tujuh malam, baginda bangun bersama kami sesudah berlalu satu pertiga malam".

"Ketika tiba malam keenam sebelum berakhir, baginda tidak bangun bersama kami, tetapi apabila sampai malam kelima (sebelum akhir bulan), baginda bangun bersama kami sesudah separuh malam, maka saya bertanya baginda: Wahai Rasulullah S.A.W! Apakah tuan menjadikan sunat untuk bangun sembahyang di malam ini?".

Lalu baginda bersabda: "Sesungguhnya seorang lelaki itu apabila bersembahyang bersama imam (berjemaah) sehingga selesai, adalah dikira bersembahyang sepanjang malam".

Maka apabila tiba malam keempat (sebelum berakhir) baginda tidak bangun (bersama kami). Apabila tiba malam ketiga, baginda mengumpulkan anak isteri baginda dan juga orang ramai, maka baginda bersembahyang bersama kami sehingga menyebabkan kami bimbangkan keluputan "al-falah".

Saya bertanya: "Apakah al-falah itu?". Baginda S.A.W menjawab: "Ialah makan sahur". Kemudian pada malam-malam yang baki itu, baginda tidak bangun bersama kami.⁷⁸

Pendapat kedua : Imam Malik, Abu Yusuf dan sebahagian pengikut Syafiiyyah, al-Laith ibn Sa'id dan at-Thahawī di kalangan mazhab Hanafī

berpendapat bahawa lebih utama sembahyang tarawih dikerjakan di rumah masing-masing.⁷⁹ Pendapat ini berdasarkan hadis yang diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim sebagaimana sabda Rasulullah S.A.W yang berbunyi:

أفضل الصلاة صلاة المرء في بيته الا المكتوبة

Maksudnya:

"Sebaik-baik sembahyang yang dikerjakan oleh seseorang ialah di rumahnya, selain daripada sembahyang fardu".⁸⁰

Di sini al-Laith ibn Sa'id dan at-Tahawi di kalangan mazhab Hanafi membuat sedikit penambahan daripada pendapatnya yang asal, bahawa solat tarawih lebih afdal dikerjakan di rumah sekiranya ia ada dikerjakan secara berjemaah di masjid. Imam as-Syafi'i membuat sedikit ulasan dan syarat tentang keadaan solat tarawih di rumah. Antara syaratnya ialah:⁸¹

- (a) Seorang yang hafiz al-Quran.
- (b) Tidak malas sekiranya sembahyang bersendirian.
- (c) Tidak terbantut sembahyang berjemaah di masjid (Sekiranya dia seorang imam)
- (d) Sekiranya dia tidak berjemaah di masjid, bilangan ahli jemaah tetap ramai.

Sekiranya seseorang itu tidak memenuhi salah satu syarat di atas, maka sebaiknya berjemaah di masjid.

Memandangkan solat tarawih adalah syiar Ramadan *al-Mubarak*, maka Imam at-Tahāwī berpendapat “Sembahyang tarawih wajib diadakan secara berjemaah di setiap masjid (*sunat muakkad*)”.⁸² Oleh itu dapat diambil tindakan ke atas penduduk yang tidak mengerjakan solat tarawih berjemaah di masjid kerana ia merupakan fardu kifayah yang perlu dilakukan oleh sebahagian yang lain.

Kesimpulannya, solat sunat tarawih boleh dikerjakan sama ada di masjid ataupun di rumah, bersendirian ataupun berjemaah. Akan tetapi sebahagian ulama berpendapat bahawa ia wajib dilakukan secara berjemaah di masjid dan diperangi sekiranya penduduk kampung tidak mengerjakannya.⁸³ Walau bagaimanapun, solat tarawih boleh dikerjakan mengikut kemampuan dan keadaan individu kerana ianya ibadat sunat sahaja. Sesiapa yang melakukannya mendapat pahala dan meninggalkannya tidak mendapat apa-apa dosa. Hanya ibadat tambahan untuk “menampal” ibadat fardu sahaja. Tujuan diwajibkan berjemaah (fardu kifayah) di masjid kerana dibimbangi tuntutan tersebut terabainya. Sekira hal ini tidak terjadi, terserah kepada individu untuk menentukannya kerana ibadat ini dikerjakan atas dorongan iman dan ketakwaan kepada Allah S.W.T

2.12 Permasalahan-Permasalahan Tentang Solat Tarawih

Pada umumnya, semua bentuk dan jenis ibadat (termasuklah sembahyang sunat) yang disyariatkan oleh Allah kepada hambanya adalah untuk mendidik jiwa dan membersihkan diri dari segala bentuk tingkah laku yang negatif seperti perasaan iri hati, hasad dengki dan marah yang berlebihan. Sembahyang dapat mendidik manusia untuk hidup bersaudara dan harmoni. Inilah tujuan utama daripada ibadat yang dikerjakan.

Perkara yang perlu diberi perhatian ketika menunaikan solat ialah khusyuk dalam ibadat, iaitu mengharapkan keredaan Allah S.W.T, yang mana pada akhirnya jiwa seseorang itu menjadi subur dengan iman serta membawa kepada perpaduan di kalangan masyarakat.

Namun ada beberapa persoalan yang sering diperkatakan sekitar penghayatan ibadat tarawih ini, khususnya di kalangan ahli akademi dan ahli ibadat iaitu tentang didirikan secara berjemaah atau bersendirian (telah dijelaskan dalam judul “Hukum Solat Tarawih”), jumlah bilangan rakaat, kadar panjang pendek dan surah yang dibaca serta perkara-perkara yang harus dilakukan antara solat tarawih dengan solat tarawih yang berikutnya. Di sini penulis cuba memperjelaskan perkara demikian secara ringkas:-

(a) Bilangan Rakaat.

Sebelum dibincangkan tentang hal-hal sekitar solat tarawih dengan lebih jauh lagi, elok rasanya di kemukakan pandangan para ulama tentang bilangan rakaat solat tarawih serta dalil dan hujah yang menjadi sandaran mereka. Kebanyakan mereka berselisih pendapat tentang bilangan rakaat solat tarawih yang dikerjakan oleh Rasulullah S.A.W dan para sahabat. Perselisihan ini dapat dibahagikan kepada tiga pendapat:

1. Jumhur ulama termasuk mazhab yang empat berpendapat, bahawa bilangan solat tarawih ialah 20 rakaat.⁸⁴
2. Sebahagian ulama Fikah berpendapat bahawa bilangan solat tarawih adalah sebanyak 11 rakaat (3 rakaat witir).⁸⁵
3. Manakala Imam Malik berpendapat bahawa 36 rakaat sebagaimana amalan yang dilakukan oleh penduduk Madinah di zamannya.⁸⁶

Di sini penulis memuatkan sebahagian hadis dan *athar* yang menjadi sandaran dan hujah setiap pendapat yang dikemukakan di atas yang menyentuh tentang bilangan rakaat solat tarawih. Antara hujah-hujah mereka adalah seperti berikut:-

i. Dalil-dalil bagi pendapat yang menyatakan solat tarawih 20 rakaat

Antara *athar* yang menyentuh bilangan rakaat solat tarawih sebanyak 20 rakaat ialah riwayat yang dikemukakan oleh Yazid ibn Rumān:

عَنْ يَزِيدَ بْنِ رُومَانَ قَالَ : "كَانَ النَّاسُ يَقُومُونَ فِي زَمْنٍ
عَمَرَ بْنَ الْخَطَابِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ فِي رَمَضَانَ بِثَلَاثَةِ
وَعَشْرِينَ رَكْعَةً"

Maksudnya:

"Daripada Yazid ibn Rumān beliau berkata : bahawa orang ramai mengerjakan (solat tarawih pada bulan Ramadan) pada zaman 'Umar ibn al-Khattab (r.a) sebanyak 23 rakaat (3 rakaat witir)."⁸⁷

Adapun hadis yang diriwayat oleh ibn Syaibah dari ibn 'Abbas (r.a):

كَانَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَصْلِي فِي رَمَضَانَ فِي
غَيْرِ جَمَاعَةِ بَعْشَرِينَ رَكْعَةً وَالْفَجْرَ"

Maksudnya:

"Nabi S.A.W bersembahyang pada bulan Ramadan tanpa berjemaah sebanyak 20 rakaat dan bersolat fajar (selepasnya)".⁸⁸

Dalam riwayat yang lain pula, Sayyidina 'Ali (k.w) pernah menyuruh para sahabat bersembahyang (malam bulan Ramadan) dengan mengerjakan 20 rakaat.⁸⁹

ii. Dalil-dalil bagi mereka yang berpendapat solat tarawih 11 rakaat.

Hadis yang diriwayat oleh 'Aisyah yang berbunyi :

عن أبي سلمة أنه أخبره أنه سأله عائشة : كيف كانت صلاة رسول الله صلى الله عليه وسلم في رمضان
قالت: "ما كان رسول صلى الله عليه وسلم يزيد في رمضان ولا في غيره على احدى عشرة ركعة"

Maksudnya:

"Menurut riwayat dari 'Aisyah (r.a) iaitu ketika menjawab pertanyaan Abu Salamah yang bertanyakan tentang sembahyang Rasulullah S.A.W pada bulan Ramadan. Katanya: Begitulah Rasulullah S.A.W sembahyang tidak melebihi rakaatnya dari 11 rakaat, baik pada bulan Ramadan maupun pada bulan-bulan yang lain".⁹⁰

Manakala riwayat as-Saib pula ialah:

عن السائب بن يزيد : أمر عمر بن الخطاب رضي الله عنه أبي بن كعب وتميم الداري أن يقوما للناس بحادي عشرة ركعة."

Maksudnya:

"Dari as-Saib ibn Yazeed bahawa Khalifah Umar ibn al-Khattab menyuruh Ubaiy ibn Ka'ab dan Tamim ad-Dari sebagai imam untuk manusia sebanyak 11 rakaat".⁹¹

iii. Dalil-dalil bagi mereka yang berpendapat solat tarawih 36 rakaat

Walau bagaimanapun ada riwayat yang mengatakan bahawa solat tarawih itu 36 rakaat. Antara riwayat yang menyentuh hal yang sedemikian ialah:

"عن داود بن قيس قال: أدرك الناس بالمدينة في زمن عمر بن عبد العزيز وأبان بن عثمان ستة وثلاثين ركعة ويؤترون ثلاثة."

Maksudnya:

"Dari Dāud ibn Qais berkata: Aku dapati orang ramai di Madinah pada masa pemerintahan 'Umar ibn 'Abd 'Azīz dan Aban ibn 'Usmān (mengerja solat tarawih) sebanyak 36 rakaat dan solat witir 3 rakaat".⁹²

Manakala Nāfi' pula meriwayatkan:

"عن نافع قال: لم أدرك الناس إلا وهم يصلون تسعاً وثلاثين ركعة ويؤترون منها بثلاثة"

Maksudnya:

"Berkata Nāfi' bahawa beliau tidak mendapati orang ramai sembahyang kecuali 39 rakaat termasuk 3 rakaat solat witir."⁹³

iv. Analisis pandangan fuqaha

Setelah di kemukakan dalil-dalil yang menjadi sandaran setiap pendapat yang dikemukakan di atas, ada baiknya dibawa hujah dan pendapat yang *rajih* tentang bilangan rakaat solat tarawih.

Pendapat Abu Hanifah, as-Syafi'i, Ahmad dan kebanyakan ulama fiqhah bawah bilangan rakaat solat tarawih adalah 20 rakaat dan merupakan pendapat yang *rajih*. Ini dikuatkan dengan *athar* yang diriwayatkan oleh as-Saib ibn Yazid:

”عَنِ السَّابِقِ بْنِ يَزِيدَ قَالَ : كَانُوا يَقْوِمُونَ عَلَى عَهْدِ
عُمَرَ بْنِ الْخَطَّابِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ فِي شَهْرِ رَمَضَانَ
بِعِشْرِينَ رَكْعَةً، قَالَ : وَكَانُوا يَقْرُؤُنَ بِسَمْلَتَيْنِ وَكَانُوا
يَتَوَلَُّونَ عَلَى عَصْبِيْمِ فِي عَهْدِ عُثْمَانَ بْنِ عَفَانَ رَضِيَ
اللَّهُ عَنْهُ مِنْ شَدَّةِ الْقِيَامِ .”

Maksudnya:

“Dari as-Saib ibn Yazid berkata adalah manusia pada zaman pemerintahan ‘Umar ibn al-Khattab (r.a) pada bulan Ramadan (solat tarawih) sebanyak 20 rakaat. Beliau menambah lagi bahawa mereka membaca 200 ayat dan pada masa Khalifah ‘Usman ibn ‘Affan (r.a) mereka bertongkat di atas tongkat kerana lama berdiri”.⁹⁴

Manakala Abi Syaibah dan al-Baihaqi dari ibn ‘Abbas (r.a) katanya: Rasulullah S.A.W solat tarawih pada bulan Ramadan sebanyak 20 rakaat.⁹⁵ Tetapi ibn Hajar menyatakan hadis yang diriwayat oleh Abi Syaibah dan al-

Baihaqī ini adalah lemah sanadnya.⁹⁶ Walau bagaimanapun kelemahan hadis ini diperkuatkan dengan suatu riwayat yang menyatakan bahawa sembahyang *qiyām* Ramadan adalah 20 rakaat bermula sejak abad pertama hijrah hingga kini.⁹⁷

Menurut al-Baihaqī di dalam kitabnya iaitu “*Al-Sunan al-Kubra*” melalui riwayat Yazid ibn Ruman katanya: “Orang ramai pada zaman ‘Umar ibn al-Khattab solat tarawih 20 rakaat”.⁹⁸ Solat tarawih yang didirikan dengan 8 rakaat adalah daripada perbuatan Nabi S.A.W, manakala selebihnya pula adalah diamalkan oleh ‘Umar. Rasulullah S.A.W bersabda :

قد كان يكون فى الامم قبلكم محدثون، فان يكون فى
امتى منهم أحد، فان عمر بن الخطاب منهم قال ابن
وهب: تفسير محدثون : ملهمون".

Maksudnya:

“Sesungguhnya ada di kalangan umat sebelum kamu (umat Muhammad) golongan *Muhaddithun*, maka umatku ini ada seorang yang termasuk di kalangan mereka iaitu ‘‘‘Umar Ibn al-Khattab’’. Berkata ibn Wahab: tafsir makna *Muhaddithun* ialah mereka yang tahu secara ilham (taufiqi)’’⁹⁹

Bila dilihat dari hadis di atas, segala tindakan Khalifah ‘Umar bukanlah dari rekaan beliau sendiri, bahkan ianya merupakan suatu ilham yang dikurniakan Allah S.W.T kepadanya. Jadi kata-kata ‘Umar ini dipegangi oleh para fuqaha berdasarkan sabda Rasulullah tersebut, yang mana beliau tergolong di kalangan *Muhaddithun* (orang yang diberi ilham atau taufik).

Dr. Fadl Hassan Abbas membuat beberapa ulasan mengapa sebahagian besar ulama fikah berpendapat sedemikian¹⁰⁰:

Pertama, jika dilihat pandangan para sahabat, tidak seorang pun yang ingkar tentang pertambahan bilangan rakaat solat tarawih melebihi 8 rakaat. Ia pernah dilakukan Sayyidina ‘Umar, ‘Uthman, ‘Ali, ibn Masu’ud, Ubaiy dan diakui oleh sebahagian sahabat yang lain.

Kedua, Sayyidatina ‘Aisyah terkenal dengan seorang yang warak, berilmu dan *faqih*. Namun perbuatan ‘Umar (r.a) yang mendirikan sembahyang tarawih 20 rakaat bukanlah luar dari pengetahuan beliau dan para sahabat yang lain. Jika perbuatan ‘Umar itu menyalahi sunnah Rasulullah S.A.W, sudah tentu Sayyidatina ‘Aisyah membantahnya dan pastinya tercatat di mana-mana riwayat tentang teguran itu. Lebih-lebih lagi riwayat dari ibn ‘Umar dan ibn Mas’ud yang terkenal dengan kesungguhan mereka untuk menghidupkan sunnah.

Jadi apabila tiada seorang pun para sahabat yang mencanggahi perbuatan dan kata-kata Sayyidina ‘Umar, maka ia menjadi ijmak *sukutī* di kalangan para sahabat. Ini dikuatkan lagi dengan sabda Rasulullah S.A.W:

”فَعَلِيكُمْ بِسُنْتِي وَسُنْنَةِ الْخَلْفَاءِ الرَّاشِدِينَ الْمُهَدِّبِينَ، عَضُوَا
عَلَيْهَا بِالنَّوْاجِذِ“

Maksudnya:

”Hendaklah kamu mengikut sunnahku dan sunnah Khalifah ar-Rasyidin yang dapat petunjuk, gigitlah mereka dengan gigi geraham (ikutilah pendirian mereka)“¹⁰¹

Pendapat yang mengatakan bahawa solat tarawih sebanyak 11 rakaat termasuk witir. Ini berlandaskan hadis dari ‘Aisyah yang menyatakan bahawa Rasulullah S.A.W tidak mengerjakannya lebih daripada 11 rakaat pada ghalibnya, sebagaimana yang di jelaskan dalam kitabnya “Al-Minhaj Fi Syarh Sahih Muslim Ibn Hajjaj”¹⁰²

Namun, kemungkinan besar kata-kata ‘Aisyah itu berasaskan dari perbuatan Rasulullah S.A.W ketika berada di rumahnya. Tetapi mungkin juga Rasulullah solat tarawih lebih dari 11 rakaat diwaktu dan tempat yang lain. Ini kerana terdapat hadis yang diriwayatkan oleh at-Tarmizi bahawa ketika ibn ‘Abbas bermalam di rumah emak saudaranya Maimunah, beliau melihat Rasulullah S.A.W bersembahyang malam sebanyak 13 rakaat.¹⁰³

Ibn al-‘Iraqi¹⁰⁴ di dalam bukunya “Tarthīb at-tathrīb” cuba membuat ulasan mengenai hadis ‘Aisyah dengan katanya: “Dalam hadis ini tidak dijelaskan tentang bilangan rakaat *qiyām* Ramadan yang dilakukan oleh Rasulullah S.A.W di masjid, hanya Sayyidatina ‘Aisyah berkata: “Rasulullah S.A.W tidak sembahyang di dalam bulan Ramadan dan bulan-bulan lain

melebihi 11 rakaat". Itu adalah perbuatan Rasulullah S.A.W di rumahnya sahaja, sedangkan "Umar menghimpun orang ramai bertarawih yang diimamkan oleh Ubai sebanyak 20 rakaat".¹⁰⁵

Manakala Imam Malik meriwayatkan daripada Yazid ibn Rumān dengan katanya: "Orang ramai bertarawih pada zaman 'Umar ibn al-Khattab sebanyak 20 rakaat". Al-Baihaqi pula cuba menghimpunkan riwayat tersebut dengan katanya: "Pada peringkat permulaan mereka melakukannya sebanyak 11 rakaat, kemudian mereka menambah menjadi 20 rakaat dengan diringankan bacaan dalam sembahyang".¹⁰⁶

Pendapat ketiga menyatakan solat tarawih itu adalah 36 rakaat adalah berlandaskan ijtihad ulama Madinah pada zaman 'Umar ibn 'Aziz.¹⁰⁷ Lebih-lebih lagi solat tarawih adalah sunat yang boleh dikerjakan sebanyak mana yang disukai kecuali pada waktu yang dilarang sahaja.¹⁰⁸

Sesetengah ahli ilmu berpendapat, tujuan penduduk Madinah melakukan demikian kerana untuk mendapatkan kelebihan solat tarawih. Pada mulanya penduduk Mekah mengerjakan solat tarawih sebanyak 20 rakaat dan tawaf setiap kali selesai 4 rakaat. Pada tarawih yang terakhir mereka terus sambung dengan witir tanpa mengerja tawaf. Ini bermakna mereka mengerjakan tawaf sebanyak 4 kali. Mereka menggandakan sekali tawaf itu dengan 4 rakaat. Mereka menentukan 16 rakaat daripada pertukaran tawaf dan dicampurkan

dengan 20 rakaat sebagaimana yang dikerjakan oleh penduduk Mekah. Bila dicampurkan terhasillah 36 rakaat kesemuanya.¹⁰⁹

Kesimpulan dari permasalahan tentang bilangan rakaat, penulis berpendapat bahawa peselisihan pendapat para fuqaha adalah disebabkan oleh keperluan dan kehendak masyarakat setempat. Manakala Al-Hafiz ibn Hajar menghimpun riwayat di atas dan membuat kesimpulan dengan menyatakan bahawa perbezaan itu berlaku disebabkan oleh masa dan keadaan. Jika bacaan surah diperpanjangkan, bilangan rakaat diringankan dan sebaliknya jika bacaan surah dipendekkan maka bilangan rakaat diperbanyakkan.¹¹⁰ Berasaskan dari hujah dan pandangan mereka, kita harus mempertimbangkan semula tentang bilangan rakaat solat tarawih yang sunat *muakkad* hukumnya untuk pengamalan umat Islam Malaysia.

Para ulama dan umat Islam Malaysia pada umumnya berinisiatif serta mengamalkan solat tarawih dengan 20 rakaat, ianya sesuai dan sederhana berbanding 8 dan 36 rakaat seperti yang dikemukakan sebelumnya. Solat tarawih yang didirikan dengan 8 rakaat adalah daripada perbuatan Nabi S.A.W, manakala selebihnya pula adalah diamalkan oleh Khalifah 'Umar. Rasulullah S.A.W bersabda :

"قد كان يكون فى الام قبلكم محدثون، فان يكون فى
امتى منهم أحد، فان عمر بن الخطاب منهم قال ابن
وهب: تفسير محدثون : ملهمون".

Maksudnya:

*"Sesungguhnya ada di kalangan umat sebelum kamu (umat Muhammad) golongan **Muhaddithūn**, maka umatku ini ada seorang yang termasuk di kalangan mereka iaitu "Umar ibn al-Khaṭṭāb". "Berkata ibn Wahab: tafsir makna **Muhaddithūn** ialah mereka yang tahu secara ilham (taufiqi)".¹¹¹*

Dengan demikian umat Islam Malaysia pada umumnya mengamalkan solat tarawih dengan 20 rakaat berdasarkan dari apa yang dilakukan oleh para sahabat yang terkemuka (Khalifah 'Umar, 'Uthmān, 'Alī dan sebagainya sehingga kepada mazhab yang empat) baik di kalangan umat Islam yang hidup semasa dengan mereka maupun generasi sepeninggalan mereka sampailah sekarang.

Menurut Sayyid Sabiq dalam kitabnya "*Fiqh as-Sunnah*", solat tarawih 20 rakaat merupakan pendapat kebanyakan ahli hukum Islam terutamanya mazhab Hanafī, Syāfi'i dan Hambali, bahkan juga Dāwud az-Zāhirī, ath-Thaurī dan ibn al-Mubarak.¹¹²

(b) Bacaan Dalam Solat Tarawih

Membaca ayat suci al-Quran yang terdiri daripada 30 juzuk dan 114 surah adalah suatu pengamalan yang mulia pada setiap masa, terutamanya pada bulan Ramadan. Bahkan lebih baik lagi jika dibaca sewaktu mendirikan solat tarawih. Namun tidak semuanya dapat berbuat demikian kerana penghafal al-

Quran terlalu sedikit jumlahnya. Solat tarawih dapat juga didirikan dengan bacaan surah-surah yang pendek. Ini menunjukkan bahawa syariat Islam adalah mudah dan tidak membebangkan para umatnya

Sebelum dihuraikan tentang bacaan dalam solat tarawih ada baiknya ditinjau terlebih dahulu tentang sifat sembahyang Rasulullah S.A.W di bulan Ramadan. Antara hadis yang mencerita hal ini sebagaimana yang diriwayatkan oleh *Sayyidatina* ‘Aisyah:

”ما كان رسول الله صلى الله عليه وسلم يزيد في رمضان ولا في غيره على احدى عشرة ركعات، يصلى أربع فلا تسئل عن حسنها وطولها ثم يصلى أربعا فلا تسئل عن حسنها وطولها ثم يصلى ثلاثة“

Maksudnya:

“Adalah Rasulullah S.A.W tidak menambah (rakaat sembahyang) dalam bulan Ramadan dan bulan-bulan lain lebih dari 11 rakaat, baginda sembahyang empat rakaat, maka jangan kamu soal tentang keelokan dan panjang bacaannya, kemudian Rasulullah S.A.W sambung lagi empat, maka jangan kamu soal tentang keelokan dan panjang bacaan. Seterusnya baginda sembahyang lagi tiga rakaat”.¹¹³

Dalam hadis lain, Rasulullah S.A.W membaca dalam sembahyang tarawih adalah surah al-Baqarah, Ali ‘Imrān dan an-Nisa’ dalam satu rakaat sahaja.¹¹⁴ Kesungguhan baginda berbuat demikian sebagai memperhambakan dirinya kepada Allah S.W.T lebih-lebih lagi ia hanya sebulan sahaja dalam

setahun. Baginda juga pernah mengumpul anak isteri dan orang ramai untuk solat berjemaah hingga hampir munculnya fajar sehingga kesuntukan makan sahur.¹¹⁵

Menurut Dr. Yusuf al-Qardawī bahawa : “Solat tarawih adalah tidak patut kurang dari 3 jam kerana ianya tidak sesuai dengan sunnah Rasulullah S.A.W. dan jika ada yang melakukan juga, seolah-olah punggung mereka di cambuk dengan tongkat kerana ingin cepat selesai”.¹¹⁶

Dalam melaksanakan ibadat solat Ramadan ini patut di contohi amalan golongan salaf seperti yang diriwayatkan oleh Sa'id ibn Mansūr dengan katanya : “Umat terdahulu membaca surah-surah yang mengandungi 200 ayat pada solat tarawih, setengahnya bertongkat kerana terlalu lama berdiri.” Ini dapat dilihat dalam hadis yang dikemukakan oleh al-Marwāzī :

”أَمْرَ عُمَرَ بْنِ الْخَطَّابِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ أَبِي بْنِ كَعْبِ
رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ وَتَمِيمَ الدَّارِيِّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ أَنْ يَقُومَا
لِلنَّاسِ فِي رَمَضَانَ فَكَانَ الْقَارِي يَقْرَأُ بِالْمَئِينِ حَتَّى كَنَا
نَعْتَدُ عَلَى الْعَصِيِّ مِنْ طُولِ الْقِيَامِ، وَمَا كَنَا نَنْصَرِفُ
إِلَّا فِي فَرْوَعِ الْفَجْرِ”

Maksudnya:

“Dari pada Sa'id ibn Yazid bahawa 'Umar ibn al-Khattab (r.a) telah menyuruh Ubaiy ibn Ka'ab dan Tamim ibn ad-Dari (r.a) bangun sembahyang malam bersama orang ramai dalam bulan Ramadan, maka adalah *al-qari* (pembaca al-Quran) pada waktu itu membaca sebanyak 200 ayat sehingga

mereka berpegang di atas tongkat kerana lamanya masa qiyam dan kami beredar hampir keluar fajar".¹¹⁷

Berdasarkan hadis ini, para jemaah merasa satu kesulitan dan bebanan dalam melaksana solat tarawih hingga hampir terbit fajar bahkan ada yang keberatan berdiri kerana panjangnya bacaan. Dalam kitab *Mughni ibn Qudāmah* menerangkan bahawa lebih baik dibaca sewaktu sembahyang malam di bulan Ramadan sekadar tidak menyukarkan para maknum. Al-Qādī pula berpendapat bahawa beliau tidak menyukai solat tarawih yang kurang dari satu kali khatam al-Quran sepanjang malam bulan Ramadan dan tidak boleh lebih dari satu kali khatam kerana ianya menyukarkan para maknum.¹¹⁸

Sayyidina ‘Umar merasakan suatu beban kepada para maknum dalam ibadat *qiyām* Ramadan. Jadi beliau telah membuat perubahan terhadap bacaan dalam solat tarawih. Abi ‘Uthmān an-Nādī meriwayatkan:

"دعا عمر بن الخطاب رضى الله عنه بثلاثة قراء
فاستقر أهم فأمر أسرعهم قراءة أن يقرأ للناس ثلاثين آية
وأمر أوسطهم أن يقرأ خمسا وعشرين وأمر أبطأهم أن
يقرأ للناس عشرين آية"

Maksudnya:

“‘Umar ibn al-Khaṭṭāb telah menyeru (mereka yang menjadi imam sembahyang malam) tiga pembaca al-Quran dan meminta mereka membaca iaitu 30 ayat sekira bacaan mereka

*cepat dan 25 ayat sekira bacaan mereka sederhana dan 20 ayat sekira bacaanya lambat”*¹¹⁹

Imam Abu Hanifah berpendapat bahawa elok dibaca 10 ayat atau seumpamanya kerana sekiranya dihimpun dalam sebulan terdapat 600 atau 580 rakaat. Adapun mengikut ahli tafsir, dalam al-Quran terdapat 6666 ayat. Jadi apabila dibaca 10 ayat atau lebih dalam satu rakaat, maka terhasillah satu kali khatam sepanjang bulan Ramadan. Setengah ulama pula berpendapat bahawa elok dibaca 30 ayat dalam satu rakaat kerana setiap 10 hari dalam bulan Ramadan terdapat kelebihannya tersendiri. Ini bermakna setiap 10 hari berhasil satu kali khatam.¹²⁰ Tentang kelebihan setiap 10 hari dalam bulan Ramadan di nyatakan oleh Rasulullah S.A.W dalam sebuah hadis yang berbunyi:

”انه شهر أوله رحمة وأوسطه مغفرة وءاخره عتق من النار“

Maksudnya:

”Sesungguhnya bulan Ramadan diawalnya kerahmatan dan dipertengahannya keampunan dan diakhirkannya terlepas dari api neraka“¹²¹

Berdasarkan dari hadis dan pandangan ulama di atas, dapatlah dibuat kesimpulan bahawa tiada suatu penetapan bacaan tentang mana-mana surah dalam solat tarawih. Adapun cara terbaik ialah tidak melebihi satu kali khatam sepanjang bulan Ramadan, supaya tidak menyukarkan para makmun.

Umat Islam di Malaysia mengamalkan solat tarawih yang berbeza mengikut keadaan setempat dan keperluan para jemaah memandangkan adanya para jemaah yang penat bekerja pada siang harinya. Oleh itu sesiapa yang merasakan dirinya tidak mampu melaksanakannya pada kadar yang dilaksanakan di masjid, bolehlah dia bersebahyang setakat yang mampu atau bersebahyang bersendirian di rumah.

Bagi kemudahan para jemaah solat tarawih, beberapa surah al-Quran yang menjadi amalan masyarakat setempat yang mudah dihafal dan diingati bilangan rakaat sembahyang. Surah-surah tersebut adalah seperti berikut:¹²²

Pertama: Permulaan awal Ramadan hingga hari ke-15, pada tiap-tiap rakaat pertama dibaca surah berikut dengan teratur:

1- Surah at-Takâthur (التكاثر)

2- Surah al-'Asr (العصر)

3- Surah al-Humazah (الهمزة)

4- Surah al-Fîl (الفيل)

5- Surah Quraisy (قریش)

6- Surah al-Mâun (الماعون)

7- Surah al-Kauthar (الكوثر)

8- Surah al-Kâfirûn (الكافرون)

9- Surah an-Nasr (النصر)

10- Surah al-Lahab (اللہب)

Manakala tiap-tiap rakaat kedua pula dibaca surah al-Ikhlas (الاخلاص)

Kedua: Malam 16 Ramadan hingga akhir, bacaan surah tiap-tiap rakaat pertama adalah surah *al-Qadar*. Pada setiap rakaat kedua pula ialah bermula surah *at-Takathur* hingga surah *al-Lahab* seperti pada rakaat pertama bagi solat tarawih pada malam-malam sebelum 15 Ramadan.

Kini, di merata masjid kampung dan bandar di Malaysia begitu juga terutamanya di Kelantan telah berubah dalam bacaan solat tarawih. Amalan seperti surah-surah di atas agak berkurangan sejak akhir-akhir ini, memandangkan masyarakat Islam menghantar anak-anak mereka ke sekolah-sekolah tahfiz ataupun ke kelas-kelas tahfiz yang tumbuh bagaikan cendawan selepas hujan.

Sebenarnya, bacaan dalam solat tarawih boleh dibaca mana-mana surah asalkan tidak menyusahkan para makmun. Inilah yang dikatakan maslahah umum yang berprinsip menghasilkan manfaat dan menolak mafsadah. Sesungguhnya Allah S.W.T telah berfirman:

"فَاقْرُءُوا مَا تَيِّسَرَ مِنَ الْقُرْآنِ"

Maksudnya:

"Kerana itu bacalah apa yang mudah (bagi kamu) daripada (ayat-ayat) al-Quran".¹²³

Hal yang demikian bersesuaian dengan kata-kata Sayyid Sābiq dalam kitab "Fiqh al-Sunnah" yang bermaksud 'Tidak ada suatu bacaan tertentu yang disunatkan dalam solat tarawih'.¹²⁴

Jelaslah bahawa kadar bacaan dalam sembahyang tarawih lebih baik diukur dengan keadaan makmum dan keperluan masyarakat setempat supaya tidak memberi kesempitan dan kesusahan kepada mereka. Kalau mereka setuju dipanjangkan, maka itulah yang lebih baik.

(c) Perkara-perkara yang dilakukan antara Solat Tarawih.

Masa di antara solat Isyak dan solat tarawih agak lama, begitu juga masa antara satu tarawih dengan tarawih yang berikutnya. Banyak pengisian yang boleh dilakukan untuk dimanfaatkan di waktu itu. Jadi kesempatan tersebut

diisi dengan membaca al-Quran, mengadakan ceramah, berzikir, berselawat beramai-ramai dan lain-lain. Namun di kalangan yang ekstrim, mereka menganggap perkara ini adalah bidaah kerana ianya tidak dilakukan oleh Rasulullah S.A.W.

Sebelum penulis memaparkan dengan lebih lanjut lagi tentang perkara-perkara yang seharusnya dilakukan di antara solat-solat tarawih, ada baiknya di sini dijelaskan tentang pengertian bidaah itu sendiri. “Bidaah” berasal dari perkataan (بَدْعٌ) yang bermakna “cipta”¹²⁵, misalnya firman Allah S.W.T:

"بدع السموات والارض"

Maksudnya:

“Allah S.W.T mencipta langit dan bumi”.¹²⁶

“Bidaah” juga ditakrifkan sebagai “suatu cara baru yang belum dilakukan sebelumnya”¹²⁷. Misalnya, melakukan sesuatu perkara yang baik yang tiada contoh kebaikan tersebut sebelumnya. Maka perbuatan kebaikan itu tidak pernah diperbuat oleh seseorang sebelumnya.¹²⁸ Dengan kata lain, perbuatan tersebut belum pernah dipelopori oleh sesiapa pun. As-Syātibī berpendapat bahawa bidaah ialah “Suatu ibarat tentang penciptaan baru dalam agama yang dibenarkan oleh syarak dengan tujuan untuk berlebih-lebih dalam memperhambakan diri kepada Allah S.W.T”.¹²⁹

Dr. al-Husaini¹³⁰ berpendapat bahawa "Sesuatu perkara baru yang tidak bersalah dengan syariat tidak menjadi kesalahan bahkan setengahnya berpendapat ianya adalah sahih". Pendapat yang yang keluarkan oleh beliau ini berdalil dari kata-kata Imam as-Syāfi'i yang berkata bahawa "Bidaah itu terbahagi kepada 2 bahagian iaitu bidaah terpuji dan bidaah terkeji. Sekira ianya sehaluan dengan syarak ianya dianggap terpuji. Manakala yang bercanggah dengan syarak adalah dianggap keji. Imam as-Syāfi'i berhujah dengan *athar* yang dikatakan oleh 'Umar (r.a) dalam sebuah hadis yang berbunyi: "نَعِمْتَ الْبَدْعَةُ هَذِهِ".¹³⁰

Berdasarkan pandangan dan kata-kata ulama di atas dapatlah dibuat suatu kesimpulan bahawa mana-mana perbuatan yang tidak bercanggah syarak adalah betul sekalipun tidak dilakukan oleh Rasulullah S.A.W. Sebagai contoh penulis memuatkan antara ucapan selawat yang menjadi tradisi Masyarakat Islam Malaysia yang berupa kalimah *tayyibah* yang diucap dengan nyaring secara beramai-ramai yang tidak dijumpai sumbernya dari Rasulullah S.A.W. Walau bagaimanapun rekaan yang dibuat oleh ulama adalah bertujuan untuk memeriahkan suasana dan menghidupkan solat tarawih itu sendiri. Antara ucapan yang dibaca sesudah setiap kali solat tarawih adalah seperti berikut:-¹³²

- 1- Membaca suatu bacaan sebagai tanda solat tarawih akan dimulakan, bacaannya adalah seperti berikut :

"صلوة التراویح شهر رمضان أثابکم الله "

Maksudnya:

"Marilah bersembahyang tarawih di bulan Ramadan, semoga Allah S.W.T mengganjari pahala kepada kamu".

- 2- Membaca selawat secara nyaring, seperti kata bilal sebagai memulakan ucapan :

"اللَّيْمَ صَلَى عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدَ"

Maksudnya:

"Wahai Tuhan kita selawatlah kepada Nabi kami iaitu Muhammad S.A.W".

Lalu dijawab secara beramai-ramai oleh para jemaah dengan lantang:

"صَلَّى اللَّهُ وَسَلَّمَ عَلَيْهِ"

Maksudnya:

"Semoga Allah S.W.T selawat dan beri kesejahteraan ke atasnya".

- 3- Dan bacaan-bacaan lain yang berkaitan dengannya bagi memenuhi keseluruhan setiap kali selesai solat tarawih. Walau bagaimanapun ada juga sesetengah masjid dan surau mengisi masa antara solat tarawih dengan amalan ibadat ringan seperti membaca al-Quran, wirid dan ceramah yang berhubungkait dengan fadilah bulan Ramadan dan sebagainya.

Sungguhpun begitu, sejak akhir-akhir ini masyarakat Islam di Malaysia umumnya dan masyarakat Kelantan khususnya mengubah suai cara tersebut (dari ucapan selawat dan kalimah *tayyibah*) kepada ceramah tentang fadilah Ramadan. Bagaimanapun ucapan selawat ini tidak dijumpai sumbernya dari mana-mana hadis. Mengikut Syeikh Abdul Kadir al-Mandili dalam bukunya "Senjata Tok Haji dan Tok Lebai", ucapan selawat itu berdasarkan amalan ulama dahulu.¹³³ Penulis berpendapat bahawa perkara yang remeh-temeh sedemikian tidak perlu diperbesarkan. Jadi semua itu boleh dikategorikan sebagai bidaah hasanah atau mahmudah sebagaimana takrif bidaah yang diberikan oleh 'Izzuddin ibn 'Abd Salam dengan katanya " bidaah ialah perkara baru yang tiada sumbernya dari dalil syarak".¹³⁴ Ibn Hajar membuat sedikit tambahan dengan katanya: Sekiranya bidaah itu termasuk di dalam perkara yang baik dan tidak bercanggah dengan syarak, maka ianya dianggap bidaah hasanah dan begitulah sebaliknya.¹³⁵

2.12 Kesimpulan permasalahan tersebut adalah seperti berikut:-

1- Tidak ada penetapan rakaat yang khusus untuk *qiyām* Ramadan. Para ulama berbeza pendapat dalam penetapan ini, ada yang mengamalkan 8, 20, dan 36 rakaat di mana mereka mempunyai sandaran dan hujahnya yang tersendiri. Dalam hal ini, penulis tertarik dengan kata-kata imam Nawawi yang dinukilkkan daripada al-Qadī yang membincangkan tentang hadis ‘Aisyah dengan katanya : “Sesungguhnya sembahyang malam termasuk perkara yang berbentuk ketaatan, sekiranya ditambah rakaat, digandakan pahala dan begitu sebaliknya. Apa yang dilihat pada perbuatan Nabi adalah pilihannya sendiri. *Wallahu a’lam.*¹³⁶

Perlu diingatkan di sini bahawa perbuatan “menudung bidaah” kepada orang bahkan terhadap ulama adalah tidak tepat. Masing-masing mempunyai dalil dan hujah tersendiri. Ianya adalah perkara sunat dan tidak boleh dipersalahkan satu sama lain. Sepatutnya, perkara yang perlu timbulkan adalah mengenai orang yang tidak mengerjakan solat tarawih.

2- Di Malaysia pengamalan dan kefahaman masyarakat agak sederhana, jadi sewajarnyalah mengikuti pada kebiasaannya, iaitu solat tarawih dengan jumlahnya 20 rakaat iaitu dengan memperbanyakkan rakaat dan menyederhanakan dalam bacaan. Namun demikian disesetengah tempat ada

yang membuat 8 rakaat iaitu dengan memanjangkan bacaan surah dan memendekkan rakaat.

- 3- Dari sudut bacaan pula tidak timbul masalah kerana tidak ada penetapan daripada mana-mana sumber hadis maupun para ulama yang mewajibkan membaca ayat-ayat tertentu dalam solat tarawih, hanya menteladani dari perbuatan Rasulullah S.A.W iaitu mengkhatamkan al-Quran disepanjang bulan Ramadan. Sebenarnya, mengkhatamkan al-Quran melalui solat tarawih bukan sahaja sunnah Rasulullah S.A.W malah secara tidak langsung para jemaah juga mendengar bacaan dari imam tersebut.
- 4- Sesuatu yang dilakukan di antara tarawih seperti ceramah agama, tadarus al-Quran, selawat dan sebagainya tidak menjadi kesalahan dari segi syarak. Bahkan ia juga dapat memeriahkan suasana solat tarawih dengan adanya ucapan selawat secara beramai-ramai oleh para jemaah.
- 5- Boleh dikatakan bahawa masyarakat Islam khususnya kaum lelaki mendirikan solat tarawih secara berjemaah, sama ada di masjid, balaisah ataupun madrasah. Demikian juga kaum wanita. Namun sebahagian mereka mendirikannya di rumah masing-masing kerana kesibukan dengan kerja rumah dan anak-anak.

6- Sejak akhir-akhir ini bacaan surah dalam solat tarawih semakin berubah daripada beberapa surah dalam juz 'Amma yang menjadi tradisi masyarakat Islam Malaysia dahulunya kepada surah-surah yang sederhana panjang di dalam juz-juz yang lain.

Nota Hujung

1. *Al-Munjid Fi al-Lughah Wa al-Ālam*, Cet. 30 (1988), Beirut: Dār al-Masyriq, hlm. 165.
2. An-Nawawi, al-Imām Abī Zakariyā Yahyā ibn Syaraf (1987), *Ṣaḥīḥ Muslim Bi Syarh al-Imām an-Nawawi*, Jld. 3, Beirut: Dār al-Ghadā al-‘Arabi, hlm. 160.
3. Mustafā Said al-Khin (1991), *Nuzhah al-Muttaqin Syarh Riyad as-Solihin*, Jld. 2, Cet. 19, Beirut: Muassasah ar-Risalah, hlm. 97.
4. Sa’di Abū Labib (1988), *al-Qamus al-Fiqhiyyah Lugahtan Wa Istilahan*, Cet. 2, Beirut: Dar al-Fikr, hlm. 109.
5. Wahbah al-Zuhaili (Dr) (1989), *al-Fiqh al-Islami Wa Adillatuh*, Jld. 5, Cet. 3, Beirut: Dār al-Fikr, hlm. 549.
6. Sayyid Sabiq (1993), *Fiqh al-Sunnah*, Jld. 3, Cet. 10, Qahirah: al-Fath Lil īlām al-‘Arabi, hlm. 200.
7. Wahbah al-Zuhaili, *Op.Cit.*, hlm. 550.
8. Ahmad ‘Ayid (1988), *al-Mu’jam al-‘Arabi al-Asasi*, al-Munadzzamat al-‘Arabiyyah Li al-Tarbiyah Wal Thaqafah Wal ‘Ulūm, hlm. 372.
9. *Ibid.*
10. Taqiyuddin Abī Bakr ibn Muhammad al-Husaini (1994), *Kifayah al-Akhyār*, Jld. 1, Beirut: Dār al-Fikr, hlm. 255.
11. Muhammad Rawas Qalahji (1988), *Mu’jam Lughah al-Fuqaha*, Cet. 2, Beirut: Dār an-Nafais, hlm. 277.
12. Syeikh Wali ad-Din Muhammed ibn ‘Abdillah al-Khatib al-‘Amri at-Tabrizi (1985), Jld. 1, Cet. 3, *Misykat al-Maṣābiḥ*, Qahirah: al-Maktabah al-Islami, hlm. 179.
13. Surah Ali ‘Imrān ayat 133.
14. Surah al-Qadar ayat 1-3.

15. Al-Mubarkafūrī, al-Imām al-Hafiz Abū al-'Aliy Muhammad 'Abd Rahmān ibn 'Abd Rahim (1964), *Tuhfah al-Ahwāzī Bisyarh Jāmi'* at-Tarmidhī, Jld. 3, Madinah al-Munawwarah: al-Maktabah as-Salafiyyah, hlm. 523.
16. Muhammād Zakariyā Kandahlawī (1997), *Fadilah Rāmadañ*, disunting: ibn Ḥussein, Cet. 1, Johor Bharu: Percetakan Nasional Malaysia Berhad, hlm. 5-7.
17. *Ibid.*
18. 'Abd al-Baqī, Muhammād Fuad (t.t), *al-Lu'lū' Wa al-Marjān Fi Mattafaqā 'Alāih as-Syaikhān*, Jld. 1, Qāhirah: 'Isā al-bābi al-Ḥalabī, hlm. 3.
19. Al-Mundhiri, al-Imām al-Hafiz Zākiy al-Dīn 'Abd al-'Azīz Ibn 'Abd al-Qawiy (1968), *at-Targhib Wa at-Tarhib*, Jld. 1, Qāhirah: Dar ihyā' at-Turāth al-'Arabi, hlm. 236.
20. An-Nasā'i, al-Imām al-Hafiz 'Abd al-Rahmān Ahmad Shu'aib (t.t), *Sunan an-Nasā'i Bi Syarh al-Hafiz Jalal al-Dīn as-Suyūti Wa Hasyiyah al-Imām as-Sindi*, Jld. 4, Qāhirah: al-Maktabah al-Maṣriyah Bi al-Azhar, hlm. 158.
21. Al-Hafiz al-Munzirī (t.t), *Mukhtasar Ṣaḥīḥ Muslim*, Qāhirah: Ihya' at-Turāth al-Islāmi, hlm. 62.
22. Al-Bukhārī Muhammād ibn Ismail (t.t), *Matan al-Bukhārī Bi Hasyiyah as-Sindi*, Jld. 1, Qāhirah: Dār ihyā' al-Kutub al-'Arabi, hlm. 8.
23. Fadl Ḥassān 'Abbas (1988), *at-Taudīh Fi Solātāt at-Tarāwīh Wa at-Tasābīh*, Cet. 1, Jordan: al-Dār al-Furqān, hlm. 106.
24. An-Nawāwī, *Op. Cit.*, hlm. 160.
25. Fadl Ḥassān 'Abbas, *Op. Cit.*, hlm. 37.
26. Muhammād Zakariyā Kandahlawī, *Op. Cit.*, hlm. 2.
27. Surah *ad-Dahr* ayat 26.
28. Sayyid Sabiq, *Op. Cit.*, hlm. 149.
29. Mustafā Sa'id al-Khin, *Op. Cit.*, hlm. 84.
30. Surah *al-Isrā'* ayat 79.

31. Al-Qurtubi, al-Imām Abū ‘Abdullah Muhammd ibn Ahmad al-Anṣārī al-Qurtubi (1988), *al-Jāmi’ Lil Ahkām al-Qurān*, Jld. 5, Cet. 1, Beirut: Dār al-Kutub al-‘Alamiyyah, hlm. 200.
32. An-Nawawi, *Op. Cit.*, hlm. 160.
33. Surah *Sad* ayat 29.
34. Sayyid Sabiq, *Op. Cit.*, Jld. 2, hlm. 70.
35. Wahbah al-Zuhaili, *Op. Cit.*, Jld. 1, hlm. 497.
36. *Ensiklopedi Hukum Islam*, Jld. 5, Cet. 1 (1997), Jakarta: PT Ichtiar Baru Van, hlm. 1600.
37. Muhammād Rawas Qalahji, *Op. Cit.*, hlm 127.
38. Sa’di Abū Labib, *Op. Cit.*, hlm. 155.
39. Tenku Iskandar (1998), *Kamus Dewan*. Cet. 4, Edisi ke-3, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 1378.
40. Aş-Şabūni, Syeikh Muhammad ‘Ali aş-Şabūni (1987), *al-Hady an-Nabawiy aş-Sahih Fi Sōlāt at-Tarāwīh*, Cet. 4, Mekah al-Mukarramah: Dār aş-Şabūni, hlm. 37.
41. Ensiklopedi Hukum Islam., *Op.Cit.*, hlm.1600.
42. Hasbi Ash Shiddieqy (1996), *Pendoman Solat*, Cet. 6, Kuala Lumpur: Percetakan Zafar Sdn. Bhd, hlm. 535.
43. ‘Al-Baihaqī, al-Imām al-Hafiz Abū Bakr Ahmad ibn Husain ibn ‘Ali (1994), *al-Sunan al-Kubrā Li al-Baihaqī*, Jld. 2, Beirut: Dār al-kutub al-‘Alamiyyah, hlm. 700.
44. Fadl Hassan ‘Abbas, *Op. Cit.*, hlm. 33.
45. Ibn Manzur (1988), *Lisan al-‘Arab*, Jld. 5, Cet. 1, Beirut: Dār at-Turāth al-‘Arabi, hlm. 360-361.
46. Al-Baihaqī, *Op. Cit.*, hlm.700.
47. Al-Marwazi, Abi ‘Abdullah ibn Muhammad, *Mukhtasar Kitab Qiyām Ramadān*, Di ringkas: Ahmad ibn ‘Ali al-Maqrizi (1993), Cet. 1, Jordan: Maktabah al-Manar, hlm. 33.

48. As-Şabuni, Syeikh Muhammed ‘Ali as-Şabuni, *Op. Cit.*, hlm. 129.
49. Ibn Majah, al-Hafiz Abi ‘Abdillah Muhammad ibn Yazid al-Qazwiny (t.t), *Sunan Ibn Majah*, Jld. 1, Qahirah: Dar ihya’ al-Kutub al-‘Arabi, hlm. 423.
50. Syeikh ‘Atiyyah Muhammed Salim (1971), *at-Tarawih Akthar Min Alf Am*, Madinah al-Munawwarah: Matba’ah al-Madani, hlm. 5.
51. An-Nawawi, *Op. Cit.*, hlm. 160.
52. Syeikh ‘Atiyyah Muhammed Salim, *Op. Cit.*, hlm. 6.
53. Mustafa Saïd al-Khin, *Op. Cit.*, hlm. 96.
54. As-Sajistani, al-Imam al-Hafiz Abu Daud Sulaiman ibn al-Asya’th ibn Ishaq al-Azdy (1988), *Sunan Abi Dawud*, Jld. 2, Qahirah: Dar al-Hadith, hlm. 51.
55. Al-‘Asqalani, al-Imam al-Hafiz Ahmad ibn ‘Ali ibn Hajar (1986), *Fath al-Bari Bisyarh Şahih al-Bukhari*, Jld. 4, Cet. 1, Qahirah: Dar ar-Riyān Li al-Turath, hlm. 295.
56. Syeikh ‘Atiyyah Muhammed Salim, *Op. Cit.*, hlm. 6.
57. An-Nasaiy, *Op. Cit.*, hlm. 108.
58. As-Şabuni, Syeikh Muhammed ‘Ali as-Şabuni, *Op. Cit.*, hlm. 32.
59. Al-‘Asqalani, *Op. Cit.*, hlm. 296 dan As-Sajistani, *Op. Cit.*, hlm. 51.
60. Malik ibn Anas (1987), *Muwatta’ al-Imam Malik*, ta’liq: ‘Abd Wahab ‘Abd Latif, Cet. 3, Qahirah: Lujnah ihya’ al-Turath, hlm. 87.
61. As-Şabuni, Syeikh Muhammed ‘Ali as-Şabuni, *Op. Cit.*, hlm. 32.
62. Syeikh ‘Atiyyah Muhammed Salim, *Op. Cit.*, hlm. 28.
63. ‘Abd Rahman al-Jaziri (1990), *Kitab al-Fiqh ‘Ala al-Mazahib al-Arba’i*, Jld. 1, Beirut: Dar al-Kutub al-‘Alamiyyah, hlm. 309-310.
64. As-Syafi’i, al-Imam Abi ‘Abdullah Muhammad ibn Idris as-Syafi’i (1993), *al-Um*, Jld. 1, Beirut: Dar al-Kutub al-‘Alamiyyah, hlm. 260.
65. Malik ibn Anas, *Op. Cit.*, hlm. 87.

66. An-Nasaiy, *Op. Cit.*, hlm.108.
67. Al-Ḥafiz al-Munziri, *Op. Cit.*, hlm. 236.
68. Fadl Ḥassan ‘Abbas, *Op. Cit.*, hlm. 37.
69. Surah *al-Qadar* ayat 1-3.
70. Ibn Kathīr, al-Imām Ismā‘il ibn Kathīr al-Qurāṣī (1966), *Tafsīr al-Qurān al-‘Azīm*, Jld. 7, Cet. 1, Beirut: Dār al-Andalus, hlm. 332.
71. Al-‘Asqalānī, *Op. Cit.*, hlm. 316.
72. Sayyid Sabiq, *Op. Cit.*, hlm.154.
73. As-Ṣabūnī, Syeikh Muḥammad ‘Alī as-Ṣabūnī, *Op. Cit.*, hlm. 26.
74. Fadl Ḥassan ‘Abbas, *Op. Cit.*, hlm. 116.
75. As-Syaukānī, al-Syeikh al-Imām al-Mujtahid Muḥammad ibn ‘Alī ibn Muḥammad (1988), *Nail al-Autār Syarh Muntaqā al-Akhbār Mi Ahādīth Sayyid al-Akhyār*, Jld. 2, Qāhirah: Dār al-Ḥadīth, hlm. 62.
76. As-Sajistānī, *Op. Cit.*, hlm. 51.
77. Al-Fārisī, al-Amir ‘Alā’ ad-Dīn ibn Balbān (1987), *Saḥīḥ ibn Hibbān*, Jld. 3, Cet. 1, Beirut: Dār al-Kutub al-‘Alamiyyah, hlm. 110-111.
78. Abī at-Tayyib Muḥammad Syams al-Haq al-‘Azīz Ābādī (1990), *‘Aun al-Ma ’bud Syarh Sunan Abī Dāwud*, Jld. 2, Cet. 1, Beirut: Dār al-Kutub al-‘Alamiyyah, hlm. 173-174 dan al-Marwāzī, *Op. Cit.*, hlm. 32-33.
79. As-Syaukānī, *Op. Cit.*, hlm. 62.
80. At-Tirmidhi, Abū ‘Isā Muḥammad ibn ‘Isā (1983), *Sunan at-Tirmidhi*, Jld. 1, Cet. 2, Beirut: Dār al-Fikr, hlm. 279.
81. Fadl Ḥassan ‘Abbas, *Op. Cit.*, hlm. 116.
82. As-Syaukānī, *Op. Cit.*, hlm. 51.
83. Muḥammad ibn Muḥammad al-Husainī al-Zubaidī as-Syahiri, *Iḥṭaf as-Ṣādah al-Muttaqā Bī Syarh Iḥyā’ ‘Ulūm ad-Dīn*, Jld. 3, Cet. 1, Beirut: Dār al-Kutub al-‘Alamiyyah, hlm. 692.
84. Sayyid Sabiq, *Op. Cit.*, hlm.151.

85. *Ibid.*
86. Ensiklopedi Hukum Islam, *Op. Cit.*, hlm. 1601.
87. Al-Baihaqi, *Op. Cit.*, hlm. 699.
88. Al-Marwazi, *Op. Cit.*, hlm. 48.
89. As-Şabuni, *Op. Cit.*, hlm. 48.
90. At-Tirmidhi, *Op. Cit.*, hlm. 274-275.
91. Al-Marwazi, *Op. Cit.*, hlm. 41.
92. *Ibid.*, hlm 43.
93. *Ibid.*
94. Al-Baihaqi, *Op. Cit.*, hlm. 698-699.
95. Al-'Asqalani, *Op. Cit.*, hlm. 299.
95. *Ibid.*
97. Al-Baihaqi, *Op. Cit.*, hlm. 699.
98. *Ibid.*
99. Al-Hafiz al-Munziri, *Op. Cit.*, hlm. 433.
100. Fadl Hassan 'Abbas, *Op. Cit.*, hlm. 55.
101. Ibn Majah, *Op. Cit.*, hlm. 16.
102. 'Ali 'Abd Hamid 'Abū al-Khairī (1996) , *al-Minhāj Syarh Ṣohīh Muslim* / *Ikhtisar Syarh Ṣohīh Muslim*, Jld. 4, Cet. 3, Beirut: Dār al-Khair, hlm. 363.
103. Al-Mubarkafūri, *Op. Cit.*, hlm. 428.
104. Al-Marwazi, *Op. Cit.*, hlm. 47.
105. *Ibid.*
106. Al-Baihaqi, *Op. Cit.*, hlm. 699.

107. 'Abd Rahmān al-Jazīrī, *Op. Cit.*, hlm. 310.
108. *Ibid.*
109. Ibnu Qudāmah, al-Imām Abū Muḥammad 'Abdullāh ibn Aḥmad ibn Qudāmah al-Maqdīsī (1972), *Al-Mughnī*, Jld. 2, Cet. Baru, Beirut: Dār al-Kitab al-'Arabi, hlm. 167.
110. Al-'Asqalānī, *Op. Cit.*, hlm. 298.
111. Al-Hafiz al-Munzirī, *Op. Cit.*, hlm. 433.
112. Sayyid Sabiq, *Op. Cit.*, hlm. 155.
113. An-Nawawī, al-Imām Abī Zakariyā Mahyuddin ibn Syaraf an-Nawawī (t.t.), *Kitab al-Majmu' Syarh al-Muhazzab Lil-Syirazi*, Jld. 3, Jeddah: Maktabah al-Irsyād, hlm. 526.
114. Syeikh 'Atīyyah Muḥammad Salīm, *Op. Cit.*, hlm. 12.
115. Abī at-Tayyib Muhammād Syams al-Haq al-'Azīz Ābādī, *Op. Cit.*, hlm. 173-174 dan al-Marū, *Op. Cit.*, hlm. 32-33.
116. Ensiklopedi Hukum Islam, *Op. Cit.*, hlm. 1601
117. Al-Marwāzī, *Op. Cit.*, hlm. 51.
118. Wahbah al-Zuhailī, *Op. Cit.*, Jld. 1, hlm. 73.
119. Al-Baihaqī, *Op. Cit.*, hlm. 700.
120. Muḥammad ibn Muḥammad al-Husainī al-Zubaidī as-Syahiri, *Op. Cit.*, hlm. 689.
121. Muḥammad Zakariyā Kandahlawī, *Op. Cit.*, hlm. 5.
122. Muḥammad bin Hj. Abdul Rahman (1986), *Sembahyang Sunat Witir dan Tarawih*, Cet. 2, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan, hlm. 13-14 dan Abdul Kadir bin Abdul Muttalib al-Indonesiyy al-Mandili (1949), *Senjata Tok Haji dan Tok Lebai*, Cet. 8, Penang: Zi United Prees, hlm. 37-42.
123. Surah *al-Muzzamil* ayat 20.
124. Sayyid Sabiq, *Op. Cit.*, hlm. 155.

125. Fadl Hassan Ḥabbas, *Op. Cit.*, hlm. 119.
126. Muḥammad ibn Muḥammad al-Āmin al-Anṣārī (1415H), *Minhāj al-Kitab Wa as-Sunnah Fi Tahqiq al-Wahdah al-Islamiyyah Wa Atharuhū Min an-Nahyāyah at-Tathbiqiyah*, Jld. 3, Mekah: Maktabah al-Malik Fahd al-Wataniyah al-Ansari, hlm.101.
127. Surah *al-Baqarah* ayat 117.
128. Muḥammad ibn Muḥammad al-Āmin al-Ansari, *Op. Cit.*, hlm. 101.
129. Ibn Manzūr, *Op. Cit.* Jld. 1, hlm. 342-343.
130. As-Syātibī, al-Imām Abī Ishaq Ibrāhīm ibn Muṣā ibn Muḥammad al-Lukhaimī as-Syātibī al-Gharnātī (1988), *al-I'tisām*, disediakan: Syeikh Muhammed Rasyhid Ridā, Jld. 1, Cet. 1, Qāhirah: Dār Rahmah, hlm. 30-31.
131. Al-Husainī ‘Abd Majid Hasim (1985), *Haqīqah as-Sunnah Wal Bidaah al-Amr Bil Itba’ Wa an-Nahyī ‘An al-Ibtida’ Lil Imām Jalaluddin as-Suyuti*, Cet. 1, Qahirah: Dar al-Insān, hlm. 29.
132. Muhammad bin Hj. Abdul Rahman (1986), *Sembahyang Sunat Witir dan Tarawih*, Cet. 2, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan, hlm. 13-14.
133. Abdul Kadir bin Abdul Muttalib al-Indonesiyy al-Mandili, *Op. Cit.*, hlm. 37- 42.
134. As-Syātibī, *Op. Cit.*, hlm. 36-37.
135. Al-‘Asqalānī, *Op. Cit.*, hlm. 298.
136. An-Nawawī, *Op. Cit.*, hlm. 363.